

## BAB 2

### PENGASASAN, LATAR BELAKANG DAN PENUTUPAN

#### *Fajar Sarawak 1930*

*Fajar Sarawak ( FS )*<sup>1</sup> diterbitkan oleh Syarikat Putra Sarawak<sup>2</sup> pada 1 Februari 1930 di Kuching.<sup>3</sup> Syarikat ini dimiliki bersama oleh lima orang pemuda Melayu. Mereka ialah Mohammad Rakawi Yusuf<sup>4</sup> ( selaku ketua ), Haji Mohammad Daud Abdul Ghani,<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Penerbitannya penting bagi seorang pengkaji kerana *Fajar Sarawak* “adalah manifestasi suatu hasrat ... yang ingin melihat bangsanya bergerak maju seiring dengan bangsa lain” lantas “menyedari betapa pentingnya kemajuan dan perubahan bagi masyarakat Melayu di Sarawak”. Jaraiee Sawal, “Ketandusan Akhbar Melayu di Sarawak : Salah Siapa?” dalam Hamzah Hamdani ( ed. ), *Wajah Sastera Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 290.

<sup>2</sup> Haji Abdul Rahman Kassim bukanlah penerbit *Fajar Sarawak* seperti yang dinyatakan oleh Sabihah Osman. Rujuk artikelnya, “Socio-Political Organizations In Sarawak From 1930 To 1941”, *JEBAT*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 15, 1987, hlm. 121. Ia diulangi dalam artikel terbarunya, “*Fajar Sarawak* dan *Utusan Sarawak* Peniup Semangat Kesedaran Dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak”, dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab ( et al. ), *Akhbar dan Majalah di Malaysia : Sejarah dan Perkembangan*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988, hlm. 208.

<sup>3</sup> Dalam konteks sejarah persuratkhabaran Melayu era 1930-an, penerbitan *Fajar Sarawak* seangkatan dengan *Warta Malaya* ( 1 Januari 1930 ), *Panduan Teruna* ( 21 Februari 1930 ), *Suara* ( 12 Mac 1931 ), *Edaran Masa* ( Mei 1931 ), *Dewasa* ( 19 Oktober 1931 ), *Majlis* ( 17 Disember 1931 ) *Perkhabaran Dunia* ( 9 Februari 1932 ), *Suara Benar* ( 2 September 1932 ), *Bumiputera* ( 5 Januari 1933 ), *Pemimpin Melayu* ( 11 Julai 1933 ), *Berita Sekolah* ( Mac 1934 ), *Dunia Sekarang* ( 1 November 1934 ), *Pemuda Melayu* ( Januari 1935 ), *Lembaga* ( 8 Oktober 1935 ), *Melayu Muda* ( Jun 1936 ), *Warta Perak* ( 13 Mac 1937 ), *Sahabat* ( 15 Februari 1939 ) dan *Utusan Melayu* ( 29

---

Mei 1939 ). Untuk butiran lanjut, rujuk A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973. hlm. 1-53.

<sup>4</sup> Mohammad Rakawi Yusuf lahir sekitar 1890-an di Kampung No. 3, Jalan Muhibbah, Kuching. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah St. Joseph dan Kolej Kebangsaan Sarawak. Rakawi Yusuf merupakan bekas Pegawai Kastam dan Guru Silat Melayu. Beliau juga dikenali sebagai *Master Rakawi*. Rakawi Yusuf adalah pengasas Persaudaraan Sahabat Pena Malaya ( PASPAM ) Cawangan Kuching pada 1936. Beliau dipercayai pernah menghadiri mesyuarat PASPAM di Kuala Lumpur pada 1934. Apabila PASPAM Cawangan Kuching ditubuhkan pada 1936, didapati namanya tidak tersenara sebagai barisan kepimpinan terawalnya. Mungkin, Rakawi Yusuf mahu menumpukan usahanya menubuhkan persatuan Melayu di Sarawak. Beliau pernah berkunjung ke Tanah Melayu dan tinggal di Singapura pada pertengahan kedua 1920-an. Rakawi Yusuf juga mempunyai hubungan rapat dengan Kesatuan Melayu Singapura di samping terdedah dengan kegiatan persuratkhabaran dan persatuan Melayu di Tanah Melayu pada akhir 1920-an dan awal 1930-an. Minatnya dalam kegiatan penulisan terserlah apabila mengasilkan *Hikayat Sarawak* dan *Melati Sarawak*. Kedua-duanya diterbitkan oleh Sarawak Printing Company. Pada 1934-1936, beliau dilantik sebagai wakil Melayu dalam Kuching Sanitary and Municipal Advisory Board. Selain menjadi pengasas dan ketua sidang pengarang *Fajar Sarawak* ( 1930 ), Rakawi Yusuf juga merupakan pelopor idea penyatuan Melayu. Ia membawa kepada pengasasan PKMS ( 1939 ). Rakawi meninggal dunia pada 1937. Persatuan Kesusastraan Sarawak, *Fajar Sarawak : Akhbar Bahasa Melayu Yang Pertama Di Sarawak 1930*, Persatuan Kesusastraan Sarawak, Kuching, 1984, hlm. xv-xvi. Sabihah Osman, “*Fajar Sarawak dan Utusan Sarawak Peniup Semangat Kesedaran Dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak*”, hlm. 208 dan *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 140-141. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke : The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 132-137. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak : Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, 1989, hlm. 17. Nordi Achie, “Pemikiran Rakawi Yusuf Dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel *Melati Sarawak* 1932 : Satu Tinjauan Awal”, dalam *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, No. 7, 1999, hlm. 81-121. Hajijah Jais, “*Fajar Sarawak dalam Bidang Penerbitan Dekad 30-an*”, dalam Hamzah Hamdani ( ed. ), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 79-83. Jarailee Sawal, “Pergerakan Bahasa-Sastera Melayu di Sarawak 100 Tahun”, dalam S. Othman Kelantan ( ed. ), *100 Tahun Pergerakan Bahasa Dan Sastera Melayu 1888-1988*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 205-206.

<sup>5</sup> Haji Mohammad Daud Abdul Ghani lahir pada 1898 di Kampung Patingan, Kuching. Beliau mendapat pendidikan awal di Madrasah Morshidiah dan pernah menjadi Imam Masjid Bandar Kuching di samping berkhidmat sebagai guru agama di madrasah tersebut. Ayahnya, Haji Abdul Ghani bekerja sebagai Ketua Pekerja di Limbungan Brooke, Kuching dan ibunya, Hajah Norjanah Abdullah berketurunan Cina. Beliau pernah berguru dengan Imam Abang Haji Morshidi sebelum menuntut di Mekah. Haji Daud Abdul Ghani dilantik sebagai Ketua Kampung Patingan sekitar 1929-1930. Pada

Mohammad Johari Anang,<sup>6</sup> Haji Abdul Rahman Haji Kassim<sup>7</sup> dan Mohammad Awil Anang.<sup>8</sup> Pejabatnya terletak di No. 45, Tingkat 2, India Street, Kuching.

---

1936, *Pedoman Ibadat* ( hasil tulisan Haji Daud Abdul Ghani ) diterbitkan dan ia dijadikan sebagai buku teks di sekolah Melayu. Rencana yang ditulisnya menggambarkan sikap kritisnya terhadap pemimpin Melayu dan kecintaannya terhadap Islam. Dengan penguasaan bahasa Arab, beliau berperanan menterjemahkan berita yang dipetik daripada akhbar dan majalah yang diperolehi dari Timur Tengah. Melaluinya, beliau mahu menanam semangat persaudaraan Islam dalam konteks kesatuan umat Islam di seluruh dunia. Berdasarkan kepada rencananya, beliau lebih cenderung kepada perjuangan reformis Islam. R.H.W. Reece pula berpendapat beliau sealiran dengan Kaum Tua. Haji Daud Abdul Ghani meninggal dunia pada 1933. Persatuan Kesusastraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xvi-xvii. Untuk latar belakang lanjut Haji Daud Abdul Ghani, rujuk Haji Yusuf Heaton, "Haji Daud – a noted Sarawak ulama", dalam *People's Mirror*, Borneo Press Clipping Services, Kuching, 29 Mei 1996, hlm. 1-3.

<sup>6</sup> Mohammad Johari Anang lahir di Kuching pada 1889, berasal dari Palembang, Sumatera. Ayahnya berketurunan India-Muslim. Johari Anang merupakan guru bahasa Inggeris dan peniaga berketurunan Minangkabau di Kuching. Selain menjadi pengasas *Fajar Sarawak*, beliau juga merupakan pengasas PKMS. Apabila PKMS didaftarkan pada 10 Oktober 1939, beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung PKMS pertama ( 1939-1964 ). Johari Anang pernah menjadi editor *Khabar Harian Kuching*. Pada 1947, beliau menghasilkan buku, *Apakah Kamu Suka Menjadi Tuan Punya Atau Menjadi Orang Hanyut*. Ia diterbitkan oleh PKMS berhuruf jawi. Ia menyentuh isu penyerahan Sarawak. Naskahnya tidak dapat dikesani. Beliau juga merupakan pengasas *Utusan ASAS* ( 1947-1948 ) dan *Utusan Sarawak* ( 1949-1971 ). Selain Ikhwan Zaini, Johari Anang juga menulis dalam ruangan "KRITIK", *Utusan Sarawak*. Beliau mulai aktif menulis dalam *Utusan Sarawak* pada 1951. Beliau meninggal dunia pada 1964. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 17. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 133. *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 2. Temubual dengan Kamsiah Hashim. Beliau merupakan menantu Johari Anang yang paling rapat dengannya. Abdul Hamid mengakui pernah membaca *Apakah Kamu Suka Menjadi Tuan Punya Atau Menjadi Orang Hanyut*. Menurutnya, di halaman depan buku tersebut terdapat gambar pemuda berdayung sampan sambil menentang arus sungai yang deras. Di sungai itu pula terdapat beberapa orang yang terkapai-kapai tangannya akibat hanyut dan lemas. Beliau mengesahkan buku itu ditulis oleh Pak Wa ( panggilan bagi Johari Anang yang merupakan sepupu kepada Haji Abdul Rahman Kassim ). Pada 1949, Johari Anang menyatakan hasratnya menulis buku yang merakamkan perjuangan golongan anti penyerahan menentang penyerahan Sarawak, hasil dorongan Haji Abdul Rahman Kassim. Ia dijangka terbit pada 1950. Tetapi, tidak dapat dipastikan sama ada ia berjaya diterbitkan atau sebaliknya. Temu bual dengan Abdul Hamid Abdul Rahman pada 5 / 1 / 2001. *Utusan Sarawak*, 24 Oktober 1949, hlm. 4.

Untuk membiayai kos penerbitan *FS*, mereka berkongsi modal.<sup>9</sup> *FS* diterbitkan dua kali sebulan iaitu pada awal dan pertengahan bulan. Akhbar ini dijual dengan harga \$0.12 senaskhah, \$1.80 langganan enam bulan dan \$3.20 setahun di Sarawak dan Tanah

---

<sup>7</sup> Haji Abdul Rahman Haji Kassim lahir sekitar 1890-an di Kuching. Keluarganya berasal dari Palembang, Sumatera. Beliau merupakan peniaga berketurunan Minangkabau yang terkenal di Kuching. Haji Abdul Rahman memiliki sebuah kedai buku di Kuching sejak 1927 dan mula menceburi bidang perniagaan pada 1922. Kedainya dinamakan H.K. Abdul Rahman & Brothers. Ini mendedahkannya kepada perkembangan persuratkhabaran Melayu dan perkembangan semasa luar negeri. Ia juga mengukuhkan kesedaran dan minatnya untuk menceburi bidang persuratkhabaran dan memperjuangkan kepentingan Melayu melalui pena. Beliau juga merupakan pemilik Sarawak Printing Company yang menerbitkan *Hikayat Sarawak* dan novel *Melati Sarawak*. Selain mengasaskan *Fajar Sarawak*, beliau juga pengasas PKMS, ASAS dan *Utusan ASAS*. Beliau merupakan Presiden PKMS yang pertama bukan daripada golongan perabangan. Haji Abdul Rahman Kassim memimpin PKMS pada 1953-1957. Dalam bidang kewartawanan Melayu, beliau meminati Abdul Rahim Kajai. Sukarnao dan Ghandi pula merupakan tokoh politik Asia yang dikaguminya. Temu bual dengan Ahmad Syukor Abdul Rahman pada 5 / 1 / 2001. Beliau mengikuti perjuangannya dalam gerakan anti penyerahan ( 1946-1950 ) dan usaha memimpin PKMS. Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xvi-xvii.

<sup>8</sup> Mohammad Awang Anang ialah saudara ( adik ) kepada Johari Anang. Beliau merupakan peniaga dan keluarganya memang terkenal dalam bidang perniagaan di Kuching. Saudaranya, Taip Anang juga seorang peniaga. Taip Anang memiliki sebuah kedai iaitu Sarawak Malay Trading. Mungkin, Syarikat Al-Anang pula kepunyaan Awang Anang. Awang Anang berperanan sebagai Pengurus Percetakan *Fajar Sarawak* di Diocesan Press. *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7-8 dan 1 Jun 1930, hlm. 8. Temu bual dengan Hajjah Kamsiah Hashim pada 21 / 12 / 2000.

<sup>9</sup> *Utusan Sarawak*, 3 Oktober 1949, hlm. 2. Tidak dapat dipastikan siapakah pemegang saham terbesar dalam Syarikat Putra Sarawak. R.H.W. Reece berpendapat sebahagian besar modal dikeluarkan oleh Rakawi Yusuf melalui wang persaraannya. Andaianya ini berdasarkan kedudukan dan peranannya sebagai Ketua Pengarang *Fajar Sarawak*. Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xvi. Mortadza Haji Daud mengatakan ayahnya ( Haji Daud Abdul Ghani ) merupakan salah seorang pemegang saham dalam Syarikat Putra Sarawak. Temubual pada 22 / 12 / 2000. Mortadza Haji Daud dilantik sebagai Mufti Sarawak sejak 1994. Ahmad Shukor juga mengatakan ayahnya ( Haji Abdul Rahman Kassim ) mempunyai saham dalam Syarikat Putra Sarawak. Temubual pada 5 / 1 / 2001.

Melayu. Di Indonesia, *FS* dijual dengan harga 5 pound sterling setahun dan 3 pound sterling bagi enam bulan.<sup>10</sup> *FS* diterbitkan lapan halaman setiap keluaran.<sup>11</sup> Setiap halaman dibahagikan kepada tiga lajur. Ia dicetak oleh Diocesan Press dengan huruf jawi yang kemas dan mudah dibaca. Pejabatnya terletak di No. 35-37, Wayang Street, Kuching. Aspek bahasa *FS* dipengaruhi oleh tatabahasa dan istilah Inggeris, Arab dan Melayu Sarawak.<sup>12</sup>

Akhbar ini memuatkan bahagian rencana pengarang, rencana, surat pembaca, cerpen, sajak, berita dalam dan luar negeri, iklan dan kata-kata hikmah. Tetapi, tidak pula

---

<sup>10</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 19330, hlm. 1.

<sup>11</sup> Reka bentuk ruangan teratas halaman pertama *Fajar Sarawak* mempunyai ciri persamaan dengan *Saudara*. Tidak dapat dipastikan sama ada ia suatu kebetulan atau sememangnya penerbit *Fajar Sarawak* tertarik dengannya. Nama *Fajar Sarawak* ( dalam bentuk khat ) diletakkan di bahagian tengah, harga langganan di sebelah kanan, alamat penerbit di sebelah kiri bersama anggota sidang pengarang, moto dan tarikh ( termasuk bilangan ) terbitan di ruangan bawah nama *Fajar Sarawak* ( yang dicetak dalam rumi ). Untuk perbandingan yang lebih jelas, rujuk reka bentuk halaman depan ruangan teratas *Saudara* dalam Mohd. Syarir Othman, “Syed Sheikh Al-Hadi dan Akhbar *Saudara* 1928-1941”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999/2000, hlm. 120. Bandingkan juga dengan reka bentuk *Neracha* dalam Haslinda Osman, “*Neracha 1910-1915*”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996, hlm. 11.

<sup>12</sup> Rujuk berita, iklan, rencana dan surat pembaca yang terdapat dalam *Fajar Sarawak*, 1 Februari ; 1 Mac ; 1 Jun dan 16 Jun 1930, hlm. 1-8. Untuk perbincangan lanjut tentang bahasa Melayu Sarawak, rujuk James T. Collins, *Dialek Melayu Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987. *Daftar Kata Dialek Melayu Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.

terdapat ruangan pojok. Ini agak menghairankan kerana ia merupakan satu ciri penting akhbar Melayu pada 1930-an khususnya di Tanah Melayu.<sup>13</sup>

Seruan *FS*, “Fajar telah tersinsing. Bangunlah wahai bangsaku”<sup>14</sup> Motonya, “Perkhabaran Am, Pengajaran, Pengetahuan dan Penghiburan”.<sup>15</sup> Jumlah edaran *FS* tidak dapat dipastikan.<sup>16</sup> Tumpuannya hanya kepada masyarakat Melayu di Kuching.<sup>17</sup>

---

<sup>13</sup> Antara akhbar ( sekadar menyebut beberapa contoh ) yang mempunyai ruangan pojoknya ialah *Warta Malaya* ( “Ini, Itu dan Lain-lain” oleh Ishak Haji Muhammad ), *Utusan Zaman* ( “Wak Ketok” oleh Abdul Rahim Kajai ), *Majlis* ( “Fikiran Hari Ini” oleh Ibrahim Yaakob ), *Saudara* ( “Serba-serbi oleh Ahmad Boestamam ”) dan *Warta Jenaka* ( “Rencah-rencah Pembuka Selera oleh Pak Lacuk - Abdul Rahim Kajai ”). Ahmad Boestamam, *Memoir Seorang Penulis*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 12. Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai : Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 299 ; 302. Pendapat ini diperkuuhkan oleh Abdul Samad Ismail. Menurutnya, ruangan pojok di samping rencana pengarang menjadi “agak istimewa dalam kewartawanan Melayu di zaman sebelum perang”. Ini kerana “seringnya perdebatan dan pertarungan fikiran di kalangan akhbar-akhbar Melayu dalam lidah pengarang dan pojok” sehingga “menjadi asam garam pembaca”. Rujuk Ucap Utamanya di Seminar Kebangsaan Akhbar dan Majalah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-26 Januari 1988, Bilik Jumaah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Ia diterbitkan ( tanpa pindaan ) dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab ( et al. ), *Akhbar dan Majalah di Malaysia*, hlm. 8. Jika ditinjau semula perkembangan persuratkhabaran Melayu sejak abad ke-19, ruangan pojok telah digunakan oleh akhbar Melayu di Jawa untuk mengulas ( dalam bentuk dialog dan sindiran ) sesuatu isu sejak akhir 1880-an lagi. Antaranya *Bintang Barat*, *Bintang Soerabaia* dan *Sinar Terang*. Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar Dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1992, hlm. 87.

<sup>14</sup> Seruan ini bukannya perkara baru dalam konteks persuratkhabaran Melayu. *Al-Imam* dan *Saudara* juga mempunyai seruannya tersendiri. Seruan *Al-Imam* diolah berdasarkan ayat Al-Quran yang diletakkan di bahagian atas ( sebelah kanan ) dan bawah ( sebelah kiri ) nama *Al-Imam*. Seruannya, “Dan telah menghimpunkan kami akan tiap-tiap sesuatu di dalam ( imam ) Al-Quran yang amat nyata” diruangan atas sebelah kanan dan “Dan dijadikan olehmu akan Kami bagi segala orang yang takut kepada Allah itu ( imam ) perikutan pada kebijakan” di ruangan bawah sebelah kiri. Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 171. *Saudara* juga

Masalah perhubungan yang masih mundur<sup>18</sup> dan batasan kewangan untuk mencetak jumlah yang lebih besar menyebabkan *FS* tidak dapat diedarkan secara meluas di kawasan luar bandar atau di luar Kuching. Di luar negeri pula, *FS* diedarkan ke Tanah Melayu, Indonesia, Mesir dan Mekah.<sup>19</sup>

---

mempunyai seruannya tersendiri, “Majulah Kehadapan Wahai Saudara” yang terletak di ruangan teratasnya seperti *Fajar Sarawak*. Mohd. Syahir Othman, “Syed Sheikh Al-Hadi dan Akhbar *Saudara* 1928-1941”, hlm. 120. Seruan *Fajar Sarawak* juga sejajar dengan matlamat perjuangan *Al-Imam* ( 1906-1908 ), “mengingatkan mana-mana yang lalai dan menjagakan mana-mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan”. *Al-Imam* mengkritik ulama ( Kaum Tua ), pihak kolonial British, golongan raja dan pembesar Melayu yang dikatakan bertanggungjawab terhadap kemunduran orang Melayu. Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1998, hlm.221-224. Untuk perbincangan lanjut tentang pertentangan Kaum Muda dengan Kaum Tua, rujuk William R. Roff, *Nasionalisma Melayu* ( terjemahan Ahmad Boestamam ), Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 71-113. Tentang idea dan perjuangan *Al-Imam*, rujuk Abdullah Jaafar, “*Al-Imam*”, dalam Khoo Kay Kim ( ed. ), *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 7-32.

<sup>15</sup> Lihat halaman depan dan ruangan atas *Fajar Sarawak*. Moto *Fajar Sarawak* hampir sama dengan *Al-Imam* : “Majalah Pelajaran, Pengetahuan dan Perkhabaran” dan *Saudara* : “Warta Am, Pelajaran, Pengetahuan, Perkhabaran” dan *Al-Ikhwan*: “Pelajaran, Pengetahuan dan Perhimpunan”. Ini tidak menghairankan kerana *Al-Imam* dan *Saudara* khususnya menyatakan ia mempunyai wakil jualannya di Sarawak. Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, hlm. 169. Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 54. Ahmad Fuad Affandi, “*Al-Ikhwan* 1926-1931 : Idea dan Pemikiran”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996, hlm. 13.

<sup>16</sup> Tidak ada rekod jumlah edarannya. Tokoh yang pernah terlibat secara langsung dengan penerbitan *Fajar Sarawak* kesemuanya meninggal dunia. Sukar untuk mencari individu lain yang dapat memberikan keterangan sahih tentang jumlah edarannya.

<sup>17</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1.

<sup>18</sup> Untuk perbincangan umum perkembangan jalan raya dan kereta api dalam tempoh 1870-1941, rujuk Elizabeth Pollard, *Kuching 1839-1970* ( terjemahan Haji Zainal Abidin Zulcifly ), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 53 ; 66 ; 94. Alice Yen Ho, *Old Kuching*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 43-46 ; 48-50.

*FS* diterbitkan dengan persediaan yang rapi. Penerbitnya menyatakan hasrat untuk menerbitkan *FS* sudah lama dirancangkan. Penangguhan usaha tersebut disebabkan oleh masalah kewangan dan tenaga penggerak. Usaha menerbitkan akhbar memerlukan kos kewangan yang besar dan menuntut kesungguhan yang tinggi. Penerbit *FS* sememangnya belum berpengalaman dalam bidang penerbitan. Ini diakuinya dengan berkata :

Kepada Allah jua kami berpegang, dan dengan Dia jua kami memohonkan bantuan dan pertolongan atas meneruskan dan melangsungkan cita-cita yang telah lama masanya terperam dan terbukti dihati kami, iaitu pada menerbitkan satu suratkhabar bahasa Melayu di bandar Kuching, Sarawak Darul Hana, dan kami menamakan dengan *Fajar Sarawak*.<sup>20</sup>

*FS* adalah akhbar Melayu pertama di Sarawak.<sup>21</sup> Ia merupakan akhbar yang berorientasikan perjuangan. Ini tersurat dalam seruannya, “*Fajar* telah tersingsing. Bangunlah wahai bangsaku”<sup>22</sup> Ia jelas menyeru masyarakat Melayu bangkit menuju kemajuan.<sup>23</sup> Bagi *FS*, masyarakat Melayu perlu menyedari masanya sudah tiba untuk

---

<sup>19</sup> *Utusan Sarawak* 3 Oktober 1949, hlm. 2. Menurut penulisnya ( “Anak Pekan” ), *Fajar Sarawak* juga menerima rencana penulis dari di Tanah Melayu, Indonesia dan Mesir. Beliau menyifatkan *Utusan Sarawak* sebagai pengganti dan penerus perjuangan *Fajar Sarawak*. Tetapi, tidak pula dinyatakan jumlah edarannya ke luar negeri. Tidak ada tokoh sezaman *Fajar Sarawak* yang dapat menjelaskan identiti “Anak Pekan”.

<sup>20</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Sabihah Osman terkeliru antara seruan dengan moto *Fajar Sarawak*. Beliau mengatakan seruan, “*Fajar* telah tersingsing. Bangunlah wahai bangsaku” sebagai moto *Fajar Sarawak*. Rujuk artikelnnya, “Socio-Political Organizations In Sarawak From 1930 To 1941”, hlm. 121 dan “*Fajar Sarawak* dan *Utusan Sarawak* Peniup Kesedaran dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak”, hlm. 207.

mengubah nasib dan menentukan masa depan mereka. Inilah yang dimaksudkan dengan seruan, “Bangunlah wahai bangsaku”.

Tidak banyak yang dapat diketahui tentang latar belakang *FS*. Daripada 10 keluaran kesemuanya, hanya empat keluaran sahaja yang masih kekal hingga ke hari ini.<sup>24</sup> Tokoh yang terlibat dalam penerbitan *FS* juga meninggal dunia. Tidak ada rekod tentang *FS* termasuklah rekod rasmi kerajaan. Ini menyukarkan perbincangan yang lebih meluas dan mendalam dilakukan terhadap *FS*. Lebih-lebih lagi, apabila menyentuh isi kandungan dan perjuangannya.

Bilangan 1 dan 10 memberikan ruang kepada penulis mengetahui dua aspek utama. Pertama, mencungkil latar belakang *FS* yang merangkumi pengasasan, tujuan, moto, seruan dan isi kandungannya. Melalui Bilangan 10 pula, penulis dapat mengikuti perkembangan terakhirnya. Ia mempunyai kepentingannya tersendiri dalam kajian ini. Bilangan 4 dan 9 pula memberi ruang kepada penulis mengikuti perjuangan dan menyoroti perkembangan *FS* selanjutnya.

---

<sup>23</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 2.

<sup>24</sup> Bilangan 1 ( 1 Februari 1930 ) tersimpan di Perpustakaan Rhodes, Oxford dan di Perpustakaan Negara Singapura. Bilangan 4, 9 dan 10 ( 1 Mac, 1 Jun, 16 Jun 1930 ) tersimpan di Arkib Negeri Kuching. Ia dihadiahkan oleh Mortadza Haji Daud. Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. vii-xv. Menurut Mohammad Hasbie Sulaiman, koleksi lengkap naskhah *Fajar Sarawak* tersimpan di sudut bacaan pejabat PKMS di No. 26, Rock Road, Kuching. Beliau pernah membacanya. Ia dirampas oleh polis setelah berlakunya peristiwa penikaman Duncan Steward di Sibu pada 3 Disember 1949. Mohammad Hasbie Sulaiman bergiat aktif dalam PKMS sejak 1946 khususnya dalam gerakan anti penyerahan. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi PKMS pada 1953-1959. Temu bual pada 7 / 1 / 2001.

Pada asasnya, tujuan penerbitan *FS* ialah “mencuba menyinarkan cahayanya di dalam mega yang kabus yang sedang menggelambungi pulau Borneo ini”.<sup>25</sup> Terdapat dua aspek yang penting iaitu “cahayanya” dan “mega yang kabus”. Ia mempunyai makna tersirat. “Cahayanya” dapat difahami sebagai sinaran perubahan. Frasa “mega yang kabus” pula bererti keadaan yang menyedihkan.

*FS* berhasrat membawa perubahan terhadap kehidupan masyarakat Melayu. Perubahan tersebut merujuk kepada empat anjakan : kemunduran kepada kemajuan, sikap negatif kepada positif, perpecahan kepada perpaduan dan sikap mementingkan diri kepada mementingkan bangsanya. Ia merupakan harapan *FS* yang bertepatan pula dengan hala tujuanya “hendak meluasi hutan yang semak bagi menerusi pemandangan di antara saudara kepada saudaranya”.<sup>26</sup>

Secara khususnya, terdapat lima tujuan utama penerbitan *FS*.<sup>27</sup> Pertama, menjalankan ikatan persaudaraan dan merapatkan hubungan masyarakat Melayu di Sarawak dan di Alam Melayu<sup>28</sup> umumnya.<sup>29</sup> Sebagai lidah pena reformis Islam,<sup>30</sup> *FS* merupakan wadah

---

<sup>25</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1.

<sup>26</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>27</sup> Mohd. Setar Mohd. Rani terkeliru dengan tujuan penerbitan *Fajar Sarawak*. Beliau mengatakan ia diterbitkan untuk “memuliakan raja Sarawak ketiga [Vyner Brooke] kerana “sangat kasih kepada rakyat terutamanya kepada anak-anak Melayu yang miskin dan daif, mendirikan beberapa buah sekolah untuk anak-anak Melayu dan adil [lagi] pemurah”. Rujuk artikelnya, “Kegiatan Golongan Melayu Terpelajar Sarawak Di Dalam Bidang Penulisan 1930-1950”, dalam Hamzah Hamdani ( ed. ), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 86-87.

menyuarkan masalah, memberi pendapat, menyalurkan teguran dan kritikan membina. FS berharap dapat merapatkan jurang hubungan dalam masyarakat Melayu, iaitu dengan pemimpin dan sesama orang Melayu. Begitu juga hubungan sesama bangsa Melayu. Katanya :

Bermula adalah yang kami cita-cita ialah sangat ingin rasa hendak beramah-ramah dan berkasih-kasihan sesama bumiputera yang kami sifatkan saudara sedaging sedarah pada khas. Dan umumnya ingin pula hendak menziarahi kaum dan bangsa kami yang ada di dalam seluruh Alam Melayu. Adapun maksud kepada yang pertama ialah

---

<sup>28</sup> Ia meliputi selatan Thailand ( Patani ), Mindano, Sulawesi, Brunei, Indonesia, Singapura dan Malaysia. Alam Melayu juga dikenali sebagai Nusantara. Ibrahim Yaacob, *Nusa Dan Bangsa Melayu*, N.V. Al-Ma'arif, Jakarta, 1951, hlm. 67. Slametmuljana, *Asal Bangsa dan Bahasa Nusantara*, Balai Pustaka, Jakarta, 1975, hlm. 11. Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu : Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 3.

<sup>29</sup> Jika diperhalusi tujuan penerbitan *Fajar Sarawak* ini, ia berangkaian dengan pendapat Ahmat Adam khususnya dalam konteks hubungan persuratkhabaran Melayu dengan kebudayaan dan bangsa Melayu di Alam Melayu. Beliau menegaskan, “bagi akhbar-akhbar yang diterbitkan di negeri-negeri Selat dan negeri Perak, mahupun bagi akhbar-akhbar yang terbit di Jawa dan Sumatera, ada semacam pengiktirafan di kalangan pembacanya bahawa rantau Malaysia-Indonesia ini adalah suatu kesatuan kebudayaan ... akhbar berbahasa Melayu abad yang lalu jelas menunjukkan bahawa hubungan di antara gugusan pulau-pulau Indonesia dengan Semenanjung Tanah Melayu sejak dahulu adalah bersinambungan dan semuanya ini diperbolehkan oleh penggunaan bahasa Melayu. Perkembangan akhbar berbahasa Melayu jelas menonjolkan rantau Melayu yang berbahasa Melayu sebagai sebuah entiti budaya yang hidup dan mempunyai unsur kedinamikannya yang tersendiri”. Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 92.

<sup>30</sup> Mohammad Dris menerusi artikelnya “Perkembangan Kesusteraan Malaysia di Sarawak : Satu Pendekatan Daripada Sudut Sejarah”, merupakan penulis pertama yang menyedari Rakawi Yusuf sebagai sasterawan dan reformis Islam yang menggunakan *Fajar Sarawak* dan novel *Melati Sarawak* sebagai wadah menyalurkan idea dan perjuangannya. Tetapi, beliau tidak pula memberikan hujah lanjut untuk menyokong pendapatnya. Artikelnya diterbitkan dalam Hamzah Hamdani ( ed. ), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 51-78.

semata-mata dengan hati yang putih safa hendak menyimpulkan tali persaudaraan yang sedaging dan sedarah.<sup>31</sup>

Kedua, mengangkat nama baik bangsa Melayu dan mengharumkan tanah airnya agar setanding dengan negeri Melayu yang lain di Alam Melayu. FS mahu masyarakat Melayu di Sarawak mencontohi kemajuan dan perjuangan Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia. FS yakin ia bukan sekadar dapat meletakkan mereka setanding dengan bangsa Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia, bahkan bangsa asing dalam dan luar negeri. Ini ditegaskannya dengan berkata :

[P]erkara yang kedua ialah menzahirkan keikhlasan dan kebenaran hati hendak mengunjungi, kendatilah kerana menziarahi kaum dan bangsa di dalam Semenanjung dan Indonesia kerana sangat bermegah-megah kami di atas kemodenan dan kemajuan mereka itu. Maka telah datanglah keinginan pada sisi kami hendak menuruti bagaimana pergerakan dan langkah yang telah digunakan oleh mereka itu bagi meninggikan mutu yang mendatangkan sebutan yang kepujian kepada tanah airnya.<sup>32</sup>

Ketiga, menyedarkan masyarakat Melayu daripada kelalaian menghadapi cabaran kemajuan. FS menyedari kepentingan usaha menyedarkan masyarakat Melayu tentang hakikat kehidupan mereka yang miskin dan mundur. Kehidupan mereka juga jauh ketinggalan berbanding bangsa asing khususnya dalam aspek ekonomi dan pendidikan. FS menegaskan :

---

<sup>31</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

<sup>32</sup> Ibid., hlm. 4.

[Y]akni memperingati akan mereka itu daripada kelengahan dan kebebalan di dalam hal muslihat kehidupan, kenegerian dan kebangsaan berkenaan dengan peredaran masa, istimewanyalah telah nampak dengan terus terangnya kepada pemandangan yang mereka sangat jauh tertinggal ke belakang oleh bangsa asing yang datang menumpang seperti Cina dan Keling.<sup>33</sup>

Keempat, memimpin masyarakat Melayu ke arah kesejahteraan hidup. Untuk mencapainya, *FS* menyajikan buah fikiran sebagai renungan, nasihat sebagai pengajaran dan teguran sebagai pedoman. *FS* memberikan cadangan membina untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka. Seperti katanya :

Dengan yang demikianlah telah menarikkan hati kami kepada berusaha walaupun dengan bertatih hendaklah jua kami datangkan buah-buah fikiran dan nasihat yang berguna dan [per]khabaran yang berfaedah dengan harapan boleh menarikkan mereka kepada beberapa cawangan daripada jalan-jalan kebajikan.<sup>34</sup>

Kelima, *FS* diterbitkan untuk kepentingan seluruh lapisan masyarakat Melayu (merangkumi golongan pemimpin dan dipimpin). *FS* menganggap khidmat itu sebagai kewajipan suci. *FS* berusaha membela nasib dan masa depan masyarakat Melayu. *FS* berhasrat melahirkan masyarakat Melayu yang peka dan prihatin terhadap hak dan kepentingan mereka. Tegasnya :

---

<sup>33</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>34</sup> Ibid., hlm. 4.

[S]esungguhnya diterbitkan Fajar Sarawak ini bukanlah semata-mata dimaksudkan bagi faedah diri sendiri, akan tetapi sebenarnya ialah bagi faedah ramai yakni bagi mengkhidmatkan kaum dan bangsa kami yang sangat mundur kebelakang oleh bangsa asing seperti Cina dan Hindu di dalam medan perlumbaan kehidupan sebagaimana yang telah diketahui oleh ramai dengan sekadar kami kuasai sebab tiada terlepas seorang jua pun daripada wajib khidmat yang suci itu.<sup>35</sup>

Satu perkara menarik yang dinyatakan oleh penerbit ialah berhubung pemilihan nama “*Fajar Sarawak*”. Dalam keluaran pertamanya, dinyatakan tiga asas utama yang mendorong pemilihan nama itu. Pertama, ia merupakan akhbar Melayu pertama di Sarawak. Ini bertepatan dengan terbitnya fajar sebagai tanda terawal permulaan siang.<sup>36</sup>

Aspek persamaan antara *FS* dengan fajar terletak kepada kedudukan masing-masing sebagai perintis. *FS* merupakan perintis kepada perkembangan akhbar Melayu. Terbitnya fajar pula sebagai perintis kepada permulaan hari baru. Menurutnya :

[F]ajar itulah apabila terbitnya menandakan malam akan luput dan berganti kepada siang. Adalah fajar itu ialah satu kejadian yang diuntukkan Allah.<sup>37</sup>

Ini menyebabkan penerbit menyifatkan *FS* seperti budak yang masih mentah. Ini diakuinya dengan berkata :

---

<sup>35</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>36</sup> Ibid., hlm. 4.

<sup>37</sup> Ibid.

[T]entulah tuan-tuan saudara dapat mengenalkan Fajar di dalam hal kemudaan dengan tak usah lagi kami nyatakan tatkala dapat tuan-tuan saudara memutuskan hukum pengenalan tuan-tuan yang dianya itu seorang budak kecil yang belum lagi mempunyai akal yang sempurna.<sup>38</sup>

*FS* menyeru golongan terpelajar Melayu khususnya memberikan teguran yang lembut dan nasihat yang membina kepadanya.<sup>39</sup> Penerbitnya juga bersikap terbuka dan bersedia menerima kritikan pembaca.<sup>40</sup> Ia disuarakannya secara terbuka untuk mendapatkan sokongan masyarakat Melayu. *FS* menyeru :

Pandangkanlah dia [*Fajar Sarawak*] itu dengan pandangan yang lemah lembut dan kasih sayang supaya jangan menakutkannya dan janganlah dikehendaki adab dan bahasa yang mendatangkan kepuasan hati kerana adalah budak yang baru boleh berjalan dengan bertatih itu. Belumlah ada peluang yang boleh kita memasukkan didikan adab dan bahasa kepadanya tinggal lagi apa-apa jua perbuatan di dalam waktu itu semata-mata menggelikan hati.<sup>41</sup>

Kedua, penerbitnya memilih nama “*Fajar Sarawak*” kerana ia bersesuaian dengan inti pati perjuangannya. *FS* diterbitkan untuk membawa sinar perubahan dan menjadikannya

---

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> Ibid., hlm. 1-4.

<sup>40</sup> Sikap terbuka *Fajar Sarawak* dapat dikesani apabila ia menyiaran surat kritikan daripada penulis yang menggunakan nama samaran, “Anak Negeri” yang membidasnya dalam *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 8.

<sup>41</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1-4.

pemangkin kemajuan. *FS* berhasrat membebaskan kehidupan masyarakat Melayu daripada kemunduran dan kemiskinan.<sup>42</sup>

Ia bersesuaian dengan fenomena kemunculan fajar sebagai penanda tamatnya waktu malam dan bermulanya waktu siang. “Malam” dapat difahami sebagai “zaman kemunduran” dan “siang” pula melambangkan “zaman kemajuan”. *FS* berperanan seperti fajar kerana ia menjadi garis pemisah antara “malam” (zaman kemunduran) dan “siang” (zaman kemajuan).<sup>43</sup>

Ketiga, *FS* juga disamakan dengan fajar dari aspek cahayanya. Fajar mempunyai cahaya yang lembut dan menyenangkan mata memandang. Sinarannya yang lembut dapat melatih dan membiasakan mata “supaya jangan ianya [mata] silau atau kepetangan [kegelapan] apabila ditikam oleh cahaya matahari”.<sup>44</sup> *FS* mahu kehadirannya diterima oleh masyarakat Melayu. Ia bersesuaian dengan sifat fajar yang menarik warnanya. *FS* menyeru :

Wahai tuan-tuan saudara bangunlah sekarang kerana Fajar  
sudah terbit dan lazimkanlah mata memandangnya ...  
Bangunlah! Sedarlah! Dan berusahaalah dari waktu terbit  
fajar kerana ialah waktu yang sejahtera bagi memulai  
segala usaha.<sup>45</sup>

---

<sup>42</sup> Ibid., hlm. 1-2.

<sup>43</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>44</sup> Ibid., hlm. 4.

<sup>45</sup> Ibid.

*FS* menyifatkan penerbitannya sebagai “sepokok bunga yang ditanam di tepi jalan raya dengan sengaja diuntukkan bagi faedah ramai” dan “barang siapa jua yang lalu lalang di situ nescaya dapatlah ia mencium walaupun sedikit daripada keharuman baunya”.<sup>46</sup> *FS* menegaskan ia juga “membawa buah-buah fikiran dan makanan yang boleh menyegarkan otak dan mensihatkan badan kaum bangsanya - memberi guna kepada kaum bangsanya”.<sup>47</sup>

*FS* menyeru masyarakat Melayu agar memberikan sokongan kepadanya. *FS* menyedari sokongan mereka merupakan nadi kelangsungannya. *FS* berkata :

[I]nilah hari mula-mula Fajar Sarawak datang menziarahi tuan-tuan bagi mengenalkan diri. Moga-moga perlawatannya yang pertama ini akan disambut dan dirai oleh tuan-tuan beramai-ramai sebagaimana tuan-tuan menyambut dan menyukai saudara-saudaranya yang lain ( akhbar yang tertua - *Sarawak Gazette* ) jua - mudah-mudahan!

Ada pun yang memberanikan dan menegapkan hati kami bagi mengandarkan pekerjaan ini ialah kerana kuat percaya kami akan sokongan, bantuan, dan pimpinan saudara-saudara kaum muslimin terutamanya kaum Melayu yang dikasihi. Bantulah wahai bangsa kami! Mudah-mudahan dengan berkat tuah dan sejuk dingin tangan tuan-tuan kelak bertambah-tambahlah sinarnya dan panjanglah umurnya.

---

<sup>46</sup> Ibid., hlm. 7.

<sup>47</sup> Ibid., hlm. 2.

[I]a memohonkan bantuan untuk perbelanjaan pagi petang kepada tuan-tuan yang mempunyai keluasan kerana kadar yang sedikit itu rasanya tiadalah menjadi keberatan di atas tuan-tuan. Semoga dengan yang demikian kelak selalulah *Fajar Sarawak* mengunjungi tuan-tuan ....<sup>48</sup>

Sebagai akhbar yang “belum lagi mempunyai akal yang sempurna”,<sup>49</sup> *FS* menyedari kepentingan pelbagai sokongan diberikan yang “bukan saja dengan wang ringgit dan tulang-balung, tetapi pengajaran dan nasihat itu pun satu daripada pertolongan yang berharga jua”.<sup>50</sup> *FS* menyeru golongan terpelajar Melayu agar menyumbangkan buah fikiran “yang boleh memberi manfaat kepada watan dan bangsanya”.<sup>51</sup>

Iklan yang dipaparkan oleh *FS* berkaitan dengan makanan, pakaian, perubatan moden, kesihatan, bahan bacaan, pertukangan, kenderaan, peralatan muzik dan barang elektrik.<sup>52</sup> Harga iklan ditetapkan 50 sen untuk setiap inci. Bagi iklan yang panjang pula, harganya boleh dirunding dengan pengurus *FS*.<sup>53</sup> Iklan tidak diletakkan dalam ruangan khusus.

---

<sup>48</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>49</sup> Ibid., hlm. 4.

<sup>50</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>51</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>52</sup> Rujuk iklan dalam *Fajar Sarawak*, 1 Februari ; 1 Mac ; 1 Jun dan 16 Jun 190, hlm. 2-8.

<sup>53</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1 ( bahagian atas halaman depan ).

Iklan yang terdapat dalam *FS* mempunyai dua ciri penting. Pertama, iklan digunakan untuk mempromosikan perniagaan Melayu. *FS* berusaha menyedarkan masyarakat Melayu agar mencontohi kejayaan peniaga Cina. Bagi iklan peniaga Melayu, *FS* menyeru mereka agar membantu memajukan perniagaan Melayu atas dasar sesama Melayu.<sup>54</sup>

Penerbit *FS* sedar inilah peluang terbaik baginya meraih sokongan masyarakat Melayu. Bagi *FS*, siapa lagi yang akan memajukan perniagaan Melayu jika bukan mereka sendiri. *FS* tidak pula menghasut masyarakat Melayu memulaukan peniaga Cina. Ini kerana *FS* menyedari pentingnya sokongan ( dalam bentuk iklan ) dari mereka kerana ia merupakan “roh suratkhabar”.<sup>55</sup>

*FS* mahu peniaga Melayu bersaing dengan peniaga Cina khususnya secara positif. *FS* turut memberikan dorongan kepada mereka bermiaga. Contohnya, di bawah iklan peniaga Melayu, Shaikh Dawood & Co., General Merchants, dipaparkan seruan berbunyi, “Tolonglah majukan dagangan kita”. *FS* menyeru lagi, “Hai, putera-putera bumi turutlah teladan ini”.<sup>56</sup>

---

<sup>54</sup> Rujuk iklan dalam *Fajar Sarawak*, 1 Februari ; 1 Mac ; 1 Jun dan 16 Jun 190, hlm. 2-8.

<sup>55</sup> Menurut Abdul Rahim Kajai, kelangsungan akhbar Melayu bergantung kepada enam faktor : bahasa, tulisan, iklan, rencana, pengedaran dan modal. Untuk penjelasan lanjut, rujuk Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 48-49.

<sup>56</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 5.

Di ruangan bawah iklan Al-Anang pula, *FS* menggesa, “Bantulah pergerakan kita dan majukanlah perniagaan bangsa”.<sup>57</sup> Bagi iklan peniaga Cina pula, *FS* menggalakkan masyarakat Melayu mencontohi sikap dan kemajuan mereka. Ia terpapar di bawah iklan Chiang Wah Onn yang mengandungi ungkapan, “Bila lagikah bangsa kita?”.<sup>58</sup>

Kedua, *FS* memperlihatkan peranannya meningkatkan taraf ekonomi bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, iklan yang dimuatkan dalam *FS* menunjukkan pengaruh bahasa Inggeris yang meluas dalam perniagaan.<sup>59</sup> *FS* pula menterjemahkannya ( dalam bentuk butiran lanjut ) dalam bahasa Melayu.<sup>60</sup> Usaha *FS* ini boleh disifatkan sebagai galakan untuk menggunakan bahasa Melayu dalam bidang ekonomi.

Dalam konteks ini, *FS* merupakan perintis usaha penjulangan peranan bahasa Melayu dalam bidang ekonomi, sekaligus memperlihatkan kepentingan *FS* terhadap perkembangan bahasa Melayu di Sarawak. Ini tidak diberikan perhatian oleh penulis

---

<sup>57</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 8.

<sup>58</sup> Ibid., hlm. 4.

<sup>59</sup> Rujuk iklan dalam *Fajar Sarawak*, 1 Februari ; 1 Mac ; 1 Jun dan 16 Jun 190, hlm. 2-8.

<sup>60</sup> Contohnya, rujuk iklan ( khususnya ruangan bawah ) Mohd. Osman ( Malay Cap Makers ), Ying Yoon Thai ( Licensed Dentist ), Shaikh Dawood & Co. ( General Merchants ), Sarawak Malay Trading, Law Brothers ( Importers ) dan Columbia Portable, The Borneo Co. Ltd. *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 4-6 ; 1 Februari ; 1 Mac ; 1 Jun dan 16 Jun 190, hlm. 2-8.

terdahulu seperti R.H.W. Reece,<sup>61</sup> Sabihah Osman,<sup>62</sup> Mohd. Setar Mohd. Rani<sup>63</sup> dan Jaraiee @ Jarmi Sawal.<sup>64</sup>

*FS* tidak membuat liputan yang meluas terhadap perkembangan yang berlaku di Sarawak umumnya dan Kuching khususnya. Ia kekurangan tenaga pemberita dan kesukaran sistem perhubungan. Kebanyakan berita dalam negeri yang disiarkan oleh *FS* tertumpu di sekitar Kuching sahaja. Pernyataan ini sememangnya diakui sendiri oleh *FS*.<sup>65</sup>

Ia terdiri daripada dua bentuk iaitu rasmi dan tidak rasmi. Berita rasmi berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran seperti majlis rasmi, ketibaan, lawatan, keberangkatan, pelantikan pembesar dan pegawai tinggi kerajaan. Berita tidak rasmi pula merangkumi hal ehwal

---

<sup>61</sup> R.H.W. Reece, “The First Malay Newspaper In Sarawak”, *Sarawak Gazette*, Vol. CVII, No. 1475, April, 1981, hlm. 9-11.

<sup>62</sup> Sabihah Osman, “*Fajar Sarawak* dan *Utusan Sarawak* Peniup Semangat Kesedaran dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak”, hlm. 205-228.

<sup>63</sup> Mohd. Setar Mohd. Rani, “Kegiatan Penulisan Golongan Melayu Terpelajar Di Sarawak Dalam Bidang Penulisan 1930-1950”, hlm. 85-109. Artikel ini juga disiarkan dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 13, 1984, hlm. 57-71.

<sup>64</sup> Jaraiee @ Jarmi Sawal, “Sumbangan *Utusan Sarawak* Terhadap Perkembangan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Di Sarawak 1949-1971”, Latihan Ilmiah, B.A., Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984/1985. Ia juga diterbitkan dalam Hamzah Hamdani ( ed. ), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 111-161. Jaraiee hanya menyedari peranan *Fajar Sarawak* sebagai “pengasas semangat orang Melayu untuk bersatu memperjuangkan hak mereka termasuk soal bahasa-sastera” dalam artikel terbarunya, “Pergerakan Bahasa-Sastera Melayu di Sarawak 100 Tahun”, hlm. 205.

<sup>65</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 1.

masyarakat seperti majlis keagamaan, pendidikan, pesta keramaian, perayaan, sukan, pergaduhan, kemalangan dan kematian.<sup>66</sup> Berita yang bertujuan menghiburkan pembaca dan memberi pengajaran turut disiarkan. Ia bertepatan dengan moto *FS* untuk menghiburkan pembaca meskipun tidak ada ruangan khusus untuk hiburan.<sup>67</sup>

Dalam menyiarkan berita dalam negeri, *FS* bersifat selektif. Penerbit memilih berita yang mempunyai pengajaran, renungan dan pedoman. Berita yang melucukan di samping sarat dengan pengajaran dan padat dengan sindiran turut dipaparkan. Dalam satu beritanya, *FS* menceritakan pergaduhan antara seorang Cina dengan peniaga Melayu. Melalui berita ini, *FS* secara halus mengkritik sikap orang Cina yang cuba mempermain-mainkan peniaga Melayu.

Menurut orang Cina itu ( tidak dinyatakan namanya ), durian yang dimakannya tidak cukup masak. Ini menyebabkan peniaga Melayu tersebut marah kepadanya. *FS* menyatakan orang Cina tersebut mungkin tidak mempunyai duit yang mencukupi untuk membayar harga durian yang dimakannya. Sepatutnya, orang Cina itu hendaklah berterus-terang. Masalah itu masih boleh dipertimbangkan oleh peniaga Melayu.

---

<sup>66</sup> Rujuk berita luar dan dalam negeri *Fajar Sarawak*, 1 Februari, hlm. 6-7 ; 1 Mac, hlm. 2-8 ; 1 Jun, hlm. 1-3 dan 16 Jun 190, hlm. 1-6.

<sup>67</sup> *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 725-726.

Berita ini bersifat stereotaip. Di sebaliknya pula, ia menanamkan kesedaran kepada masyarakat Melayu agar berhati-hati dalam perniagaan dan jangan terburu-buru mempercayai sesiapa pun. Ia lebih merupakan pengajaran kepada kedua-dua pihak bagi mengekalkan hubungan harmoni. *FS* menceritakan pergaduhan tersebut seperti berikut :

Pada hari Jumaat 3 Januari waktu 12.30 telah jadi pergaduhan di antara seorang Cina dengan Melayu Cekur ( kelaziman nama orang-orang bermiaga kecil [kecil] ) pasal buah durian. Begini pasalnya: orang Cina itu datang hendak membeli durian, apabila telah putus harganya duduklah kawan itu memakan buah yang dibelinya. Setelah sudah habis dimakannya maka Si Cina itu mengatakan buah durian itu belum cukup masak dan lagi mentah dan tiadalah ia mau membayar harga yang telah bersetuju itu. Ah! Apalagi Si Pak Cekur itu bangkit gembira dan tak mau dipermain-main akan harga yang sudah diputus itu dengan memarahkan Si Cina itu. Maka Cina itu dengan berani pula lakunya lalu meninjo<sup>68</sup> kepada Pak Cekur itu. Apa lagi Pak Cekur pun datanglah berbantu-bantu dan tiga orang memukul si Cina itu. Tetapi sebelum Cina itu sakit yang sangat parah, maka orang polis pun datang menangkapnya lalu dibawa ke rumah pasung bersama-sama kulit buah durian yang bekas makanannya. Agaknya tentulah Cina itu baru sedar yang dirinya tak cukup duit buat membayar harga durian itu oleh sangat gelojohnya nak makan.<sup>69</sup>

Di bawah berita yang melucukan ini, dipaparkan pula berita budi baik orang Melayu terhadap orang Cina. *FS* sengaja mengatur dua berita ini secara serentak dalam satu

---

<sup>68</sup> Perkataan “meninjo” dalam petikan di atas membawa dua maksud. Dalam bahasa Melayu Sarawak, ia bermaksud mendongak atau mengangkat atau meninggikan kepala sebagai tanda tidak puas hati atau mencabar pihak lain. Kedua, ia juga sama dengan perkataan “meninjau” dalam bahasa Melayu kebangsaan. Philip L. Thomas melakukan kesilapan apabila mentransliterasikannya kepada “meninjau”. Perkataan yang tepat ialah “meninjo”. *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 6.

<sup>69</sup> *Fajar Sarawak*, Februari 1930, hlm. 6.

halaman yang sama. Ia dapat memberikan pengajaran berkesan kepada pembaca khususnya orang Melayu. Ia juga menunjukkan kebijaksanaan penerbit menyusun ruangan berita agar lebih menarik.

Dalam berita ini, diceritakan budi baik orang Melayu menyelamatkan seorang Cina yang disengat lebah dan dipatuk ular. Kedua-dua berita tersebut bukan sahaja dua kisah yang melucukan tetapi menyentuh perasaan pembaca. Ia bukan bertujuan memburuk-burukkan orang Cina tetapi sebagai pengajaran kepada pembaca. Kisah ini diceritakan oleh FS seperti berikut :

Pada hari Ahad 12 Januari dua orang Cina mudik ke hulu telah diserangi oleh lanyik ( lebah ) yang keluar dari dalam air ditiba terusan Pasir Paruh – kira-kira lima batu dari bandar. Kawan-kawan itu tiadalah dapat menerusi perjalannya singgahlah mereka ditebing sungai dan naik ke darat berhenti di bawah pokok rengas. Allah! Malangnya kawan ini baru juga berselisih daripada bahaya lanyik itu, tiba-tiba dipatuk oleh ular untup. Kebetulan juga datang dua orang Melayu bernama Yahya dan Muhamad Amin ( pemotong kayu ) memberi pertolongan kepada Si Tan Chong yang kena patuk ular. Maka dijampi-jampinya serta ditiupnya kepada lanyik ( lebah ) konon, dan sekejap mata, Sang Lilit dan Sang Sengat pun hilang. Sebegitu juga telinga Tan Chong pun hilanglah bisanya ( Pasal kepercayaan karut itu memang belum hapus lagi ).<sup>70</sup>

---

<sup>70</sup> Ibid.

Fokus berita luar negeri<sup>71</sup> yang dipaparkan oleh *FS* juga bersifat selektif. Ia meliputi Asia Tenggara, Eropah, Amerika Syarikat dan China.<sup>72</sup> Berita luar negeri yang dipaparkan oleh *FS* turut merangkumi perkembangan di Timur Tengah. Ini kerana kebanyakan sumber rujukannya ( akhbar dan majalah ) diperolehi dari Timur Tengah juga.<sup>73</sup>

Berita dari Tanah Melayu dan Indonesia hampir tiada langsung disiarkan. Ini amat menghairankan kerana ia tidak menepati matlamat *FS* untuk “menyimpulkan tali persaudaraan yang sedaging dan sedarah” dalam konteks hubungan bangsa Melayu di Alam Melayu.<sup>74</sup> Ia disebabkan oleh tiga faktor.

---

<sup>71</sup> Jika dibandingkan dari segi penyusunan berita luar negeri ( termasuk dalam negeri ) dengan majalah *Malaya* ( diterbitkan pada Mei 1926 di Pulau Pinang oleh Mohamed Younus Abd. Hamid ), jelas ia lebih tersusun berbanding *Fajar Sarawak*. Dalam *Malaya*, berita luar negeri dibahagikan kepada dua bahagian : Pengetahuan Umum ( untuk berita dari negara bukan Islam ) dan Dunia Islam ( khusus untuk perkembangan negara Islam ). Berita dalam negeri pula dimasukkan dalam bahagian Dunia Melayu dan Pandangan Umum. Ini menyebabkan *Malaya* dipilih sebagai bahan bacaan tambahan di sekolah Melayu ketika itu. Kelebihan ini tidak dikongsi oleh *Fajar Sarawak*. Untuk butiran lanjut *Malaya*, rujuk Mohd. Sarim Hj. Mustajab, “Profile Seorang Wartawan 1920-an : Mohamed Younus Abd. Hamid”, *JEBAT*, Bil. 7/8, 1977/1978, hlm. 165-166.

<sup>72</sup> Rujuk ruangan berita luar negeri *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7-8 ; 1 Mac 1930, hlm. 2-3 ; 1 Jun 1930, hlm. 1-3 dan 16 Jun 1930, hlm. 6-7.

<sup>73</sup> Rujuk “Menziarahi Ke Meja Pengarang”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5-6 dan “Sampai Ke Meja Pengarang”, 16 Jun 1930, hlm. 4-5. Ini bukanlah perkara baru dalam konteks persuratkhabaran Melayu. Ahmat Adam mendapati ia telah dilakukan oleh akhbar dan majalah yang diterbitkan di Indonesia seperti ( sekadar menyebut beberapa contoh ) *Bintang Timor*, *Soerat Kabar Bahasa Melajoe*, *Soerat Chabar Betawi*, *Selompret Melajoe*, *Mataharie*, *Bintang Barat* dan *Sinar Terang*. Di Tanah Melayu, ia juga dilakukan oleh *Jawi Peranakan*, *Sekola Melayu*, *Tanjong Penagri* dan *Jajahan Melayu*. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Pada Abad Kesembilan Belas*, hlm. 35-75.

<sup>74</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1.

Pertama, terhadnya ruang akibat keterbatasan halaman kerana *FS* hanya diterbitkan lapan halaman. Kedua, berita dari Tanah Melayu dan Indonesia boleh didapati terus daripada akhbar dan majalah yang diterbitkan di sana. Ketiga, pengaruh pemikiran Haji Daud Abdul Ghani. Beliau mendapat pendidikan di Mekah. Di sana tersemainya semangat persaudaraan Islam sejagat dalam dirinya. Tidak hairanlah jika perkembangan di Timur Tengah mendapat publisiti meluas dalam *FS*.<sup>75</sup>

Melalui paparan berita umat Islam di Timur Tengah, *FS* mahu masyarakat Melayu menghayati roh persaudaraan Islam dan mengambil iktibar perkembangan umat Islam di sana. Ia mahu masyarakat Melayu menyedari yang mereka adalah sebahagian daripada umat Islam di seluruh dunia. Mereka berkongsi sejarah dan perjuangan dalam kerangka semangat persaudaraan Islam.<sup>76</sup>

Penyiaran berita dari Timur Tengah juga memperlihatkan sikap dan pemikiran *FS* yang mirip kepada anti penjajahan. Ia tidak dizahirkannya secara tegas dan lantang kerana bimbang dicap sebagai anti Brooke dan British. Ini menyebabkan kebanyakan contoh

---

<sup>75</sup> *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 2, hlm. 725.

<sup>76</sup> Abu Al-Ghaniah, “Kasihkan Tanah Air”, *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7 dan 1 Jun 1930, hlm. 4. Rujuk juga rencana Ahmad Syah, “Dari Hal Agama Islam”, *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 8.

penjajahan ke atas umat Islam diambilnya dari Timur Tengah yang jauh jaraknya dari Alam Melayu.<sup>77</sup>

Contohnya, berita tentang gerakan menuntut kemerdekaan berdarah di Iraq daripada British, kelekaan Raja Iraq ( Faisal I )<sup>78</sup> yang sedang enak menghisap cerut sambil belakangnya diurut-urut oleh British, sikap rakyat Iran yang tidak mahu membeli pakaian import, kekuatan ketenteraan dan pemulihian ekonomi Turki serta kepincangan Afghanistan disebabkan oleh pemimpinnya, Amanullah Khan<sup>79</sup> yang mengikut telunjuk Barat, turut dimuatkan di dalamnya. Berita tentang kejayaan Amir Nadir Khan<sup>80</sup>

---

<sup>77</sup> Sebagai perbandingan, pendekatan *Fajar Sarawak* berbeza dengan *Al-Imam*. *Al-Imam* mengkritik penjajah Barat di Alam Melayu ( terutamanya Belanda dan British ) dan dunia Islam umumnya ( terutamanya di Timur Tengah ) dengan tajam dan tegas. Untuk perbincangan umum, rujuk Abu Bakar Hamzah, “Aspek Politik Gerakan Fundamental Islam di Malaysia pada 1906-1908”, dalam Ismail Hussien ( et al. ), *Tamadun Melayu*, Jilid I, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 384-406. Untuk perbincangan lebih mendalam, rujuk Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, hlm. 242-254.

<sup>78</sup> Raja Faisal I lahir pada 1885. Beliau memerintah Iraq pada 1921-1933. Raja Faisal I merupakan nasionalis Arab yang berjaya membebaskan Iraq daripada Turki Uthmaniah. Sebelum dirajakan oleh British pada 1921, Faisal I mengisyiharkan dirinya sebagai Raja Syiria pada 1918 tetapi disingkirkan oleh Perancis. *The Hutchinson Dictionary of World History*, Helicon Publishing, London, 1995, hlm. 204.

<sup>79</sup> Beliau lahir pada 1892. Amanullah merupakan anak ketiga Habibullah Khan. Amanullah menjadi Amir Afghanistan pada 1912-1929. Beliau mengamalkan dasar pro-Barat. Beliau disingkirkan pada 1929 dan menetap di Itali hingga meninggal dunia pada 1960. Ibid. hlm. 21.

<sup>80</sup> Nama sebenarnya, Shah Nadir Khan ( 1880-1933 ). Shah merupakan pemimpin Perang Afghanistan III ( 1919 ) menentang Russia. Ia ditamatkan melalui Perjanjian Rawalpindi ( 1919 ) yang mengiktiraf kemerdekaan Afghanistan. Beliau menjadi Amir Afghanistan pada 1929 menggantikan Amanullah Khan. Beliau memimpin gerakan pembaharuan dan pemodenan Islam di Afghanistan. Ibid., hlm. 412.

memajukan Afghanistan juga disiarkan. Ini menyebabkan Amir Nadir Khan menjadi pemimpin kesayangan rakyatnya.<sup>81</sup>

*FS* menyatakan sumber rujukan bagi berita luar negeri yang disiarkannya. Antara sumber yang dipetiknya seperti *Hadratmaut*, *Al-Iqbal*, *Saiful Islam*, *Reuter*, *Majalatul Arussatil Arabiah*, *Khalifah*, *Dewan dan P. Pustaka*. Selain menyatakan sumber secara khusus, terdapat juga petikan sumber yang dinyatakan secara umum sahaja. Ia dinyatakan oleh *FS* sekadar menyebut “diterjemah daripada majalah Arab”.<sup>82</sup>

Penerbitan *FS* diberikan sambutan yang baik oleh pembaca. Sejak keluaran sulungnya, terdapat kata-kata aluan dan penghargaan daripada mereka.<sup>83</sup> Bagi penulis yang memahami kepentingan dan perjuangan *FS*, “Al-Sayed Al-Tabrani” mengungkapkan harapan yang tinggi kepada *FS*. Ia dinukilkhan melalui syairnya :

Wahai Fajar Sarawak cahaya mata  
Kezahiran engkau di tanah air kita  
Besarlah harapan kepada tuan menziarahi rata  
Seumpama labu menjalar melata

---

<sup>81</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7 ; 1 Mac 1930, hlm. 2 ; 1 Jun 1930, hlm. 1-2 dan 16 Jun 1930, hlm. 6.

<sup>82</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 6.

<sup>83</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7. Terdapat ucapan penghargaan kepada *Fajar Sarawak* daripada Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rashid ( Simanggang ), Encik Muhammad Amin ( guru Sekolah Kebangsaan Sarawak ) dan Encik Tuah bin Kasa ( kerani di Pejabat Kastam Kuching ).

Wahai Fajar Sarawak cahaya yang cerah  
Dengan besar hati kita menyambut engkau menziarah  
Kita berpesan dengan hati yang murah  
Sekali-kali jangan engkau marah

Wahai Fajar Sarawak majukan bangsa  
Tetapkan kepercayaan sekarang masa  
Korbankan dirimu tunjukkan jasa  
Tolonglah putera daripada siksa

Wahai Fajar Sarawak cahaya berseri  
Jangan gentar atau takut atau ngeri  
Menyelamatkan bangsa dan tanah air sendiri  
Menurut kebebasan undang-undang negeri

Wahai Fajar Sarawak cahaya yang cemerlang  
Puteramu kurus kering tinggal tulang  
Kemundurannya bukan alang kepalang  
Siapakah patut lagi menjulang

Wahai Fajar Sarawak cahaya yang terang  
Menyinsinglah engkau terang-benderang  
Tidakkah engkau lihat sekarang  
Puteramu asyik disuap orang

Wahai kekasihku Fajar Sarawak  
Fajar kemajuan silakan orak  
Bantukan puteramu sehingga bergerak  
Jangan dibiarkan jauh berjarak

Wahai Fajar Sarawak bangkitlah tuan  
Tetapkan fikiran satukan haluan  
Tiliklah di Semenanjung yang berkemajuan  
Demikianlah kita keras kemahuan

Wahai Fajar Sarawak ayuhai gusti  
Pesanan yang ikhlas di dalam hati  
Kepada engkau minta diuliti  
Had ini kalam berhenti.<sup>84</sup>

---

<sup>84</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 5.

Sajak ini mempunyai mesej seruan, kesedaran dan pengajaran. Ia bukan hanya ditujukan kepada *FS*, malah untuk renungan masyarakat Melayu umumnya. Melalui sajak tersebut, penulisnya menyampaikan lima mesej utama. Pertama, menyeru masyarakat Melayu mengorbankan tenaga, masa dan harta demi memperjuangkan nasib dan masa depan mereka. Kedua, menggesa masyarakat Melayu membela hak dan kepentingan mereka dengan tegas. Ketiga, menyarankan masyarakat Melayu agar memajukan kedudukan mereka dalam aspek ekonomi. Keempat, mengajak masyarakat Melayu berdikari memajukan diri dan meninggalkan budaya makan gaji dan berkuli. Kelima, menyeru masyarakat Melayu agar bersatu memajukan bangsa dan tanah air.

Namun, terdapat juga individu yang tidak senang dengan *FS*. Ini menyebabkan *FS* turut dibidas oleh seorang penulis yang menggunakan nama samaran, “Anak Negeri”. Ia berpunca daripada laporan *FS* berhubung Majlis Khatamul Quran yang diadakan di Masjid Bandar Kuching. Katanya :

Hai! Anak dagang siapakah tuan? Dan di mana tanah air tuan yang hak? Dan siapakah yang menkhabar pada tuan masuk pada ini tahun ada lebih daripada dahulu? Dan ke manakah hilang pemandangan tuan, tidak melihat orang sebegini banyak sampai memenuhi di luar dan di dalamnya?

Dan mengapakah sebabnya tuan masuk pada edaran yang ke tiga? Bukankah tuan me[ng]khabar telah mendapat kad jemputan?

[M]aka tiadalah saya huraikan kusutan yang tersimpul di hati saya semuanya melainkan ringkas saja.<sup>85</sup>

Ini bukan bermakna “Anak Negeri” tidak menyokong perjuangan *FS*, jauh sekali daripada bermusuhan dengan *FS*. Penulis tersebut bersikap kritis terhadap satu laporan *FS* yang tidak disenanginya.<sup>86</sup> Ini merupakan pengajaran kepada *FS* selain menunjukkan ketelusan *FS* menyalurkan suara hati pembacanya.

Berhubung punca penutupan *FS* pula, masalah kewangan merupakan faktor utamanya. Ia diakui oleh *FS*. Masalah kewangan yang dihadapinya berpunca daripada tiga faktor : kelengahan pelanggan membayar wang langganan, kekurangan iklan dan kurangnya sambutan daripada masyarakat Melayu. Berhubung kelewatan para pelanggan membayar wang langganannya, ia dinyatakan oleh *FS* sejak Bilangan 9 lagi. Katanya :

Wakil-wakil dan tuan langganan yang belum menyempurnakan hak Fajar silalah sempurnakan kerana bantuan yang sedikit itu terkadang besar gunanya kepada ramai.<sup>87</sup>

Seterusnya, *FS* merayu :

[O]leh kerana melihat besar tanggungan dan berat pikulan yang akan kami hadapi itu, besarlah harapan kami kepada wakil dan tuan-tuan langganan kami yang belum menjelaskan hak Fajar itu, silah sekarang mengirim sangkutan masing-masing itu kepada kami supaya Fajar yang sedang mengelambungi di tepi langit Borneo barat ini

---

<sup>85</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 8. Kisah sebenar yang mendasari kritikan tersebut tidak diketahui kerana ketiadaan naskhah *Fajar Sarawak*, Bilangan 3. Menurut “Anak Negeri”, dia merujuk kepada sebuah laporan *Fajar Sarawak* dalam Bilangan 3.

<sup>86</sup> Persatuan Kesusastraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xxi-xxii.

<sup>87</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 1.

segera terbitnya menyinarkan cahayanya yang putih safa itu  
di dalam perhimpunan kaum bangsanya.<sup>88</sup>

Masalah kewangan juga menyebabkan *FS* tidak dapat membayar honorarium<sup>89</sup> kepada penyumbang rencana. Katanya :

Sedemikian jua kami pohonkan ke hadrat tuan-tuan langganan yang setiawan yang masih kami terhutang kepadanya diharap sabar, jangan tergopoh-gapah mencercakan kami atau mendatangkan jahat sangka ke atas kami atau berenggang hati dengan Fajar. Sabar! Sabar!

Kerana orang yang sabar itu akan mendapat untung ( man sabar zafar ), dan orang-orang yang gopoh-gapah dengan tiada memikir apa lebih dahulu itu akan menjadi rugi. Tunggulah sekejap!<sup>90</sup>

Hasil iklan juga tidak memuaskan. Jumlah iklan yang terdapat dalam *FS* semakin menurun. Dalam keluaran sulungnya, terdapat 10 iklan. Ia terus berkurangan kepada tujuh iklan dalam Bilangan 4 dan Bilangan 9. Dalam Bilangan 10 pula, hanya terdapat tiga iklan sahaja.<sup>91</sup> Ini menyebabkan pendapatan *FS* semakin terjejas.

---

<sup>88</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 2.

<sup>89</sup> Di Tanah Melayu, honorarium hanya diberikan kepada penyumbang rencana dan karya sastera pada awal 1950-an. Ia diusahakan oleh Angkatan Sasterawan 50 ( ASAS 50 ) dan dimulakan oleh Syarikat Percetakan Utusan Melayu. Ini agak lewat jika dibandingkan dengan *Fajar Sarawak*. Ia telah melakukannya 20 tahun lebih awal. Ahmad Boestamam, *Memoir Seorang Penulis*, hlm. 45. Untuk perbincangan lanjut tentang latar belakang dan sumbangaan ASAS 50, rujuk Yahya Ismail, *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 79-106.

<sup>90</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 2.

<sup>91</sup> Rujuk iklan dalam *Fajar Sarawak*, 1 Februari ; 1 Mac ; 1 Jun dan 16 Jun 190, hlm. 2-8.

Ia juga melambatkan penerbit *FS* membayar kos pencetakan kepada Diocesan Press. Akibatnya, pihak pencetak juga melengah-lengahkan pencetakan *FS*. Ini menyebabkan *FS* seringkali lambat diterbitkan. *FS* menegaskan :

[T]uan punya tempat cap yang ditumpang Fajar tiada mengambil berat kepada hal Fajar hanya sibuk dengan pekerjaan yang lain-lain yang lebih besar faedah dan kehasilan kepada mutaba'ahnya [percetakan] dan mendahulukan apa-apa yang terlebih perlu pada fikirannya. Maka oleh kerana itulah Fajar selalu terlambat keluarnya menghadap ke hadrat tuan-tuan yang mulia ditambah lagi tiada dapat memuaskan hati kita ditentang serba-serbinya, tetapi sungguhpun demikian banyak jua kami ucapkan terima kasih kepadanya, kerana yang demikian sememangnya adat orang-orang bermiaga.<sup>92</sup>

Usaha *FS* tidak mendapat kerjasama pencetak. Pencetak tidak memahami perjuangan *FS*. Pencetak memikirkan keuntungan. Antara mereka tidak tersimpul titik persefahaman. Masalah kewangan yang semakin berat menyebabkan penerbitan *FS* dihentikan.

*FS* juga melahirkan keyakinannya untuk menerbitkan semula *FS* sedikit masa lagi, iaitu apabila masalah kewangan dapat diatasi. *FS* juga bercadang menerbitkan majalah sebagai gantinya. Sebagai membuktikan keikhlasannya berkhidmat kepada masyarakat Melayu, *FS* menegaskan :

Fajar Sarawak ini pada hakikatnya bukanlah hak kepunyaan kami penerbitnya tetapi sebenar-benarnya ialah hak kepunyaan tuan-tuan langganan dan pembacanya yang dihormati. Adapun kami penerbit dan anggota-anggotanya

---

<sup>92</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 3.

hanya sebagai khadam yang berkhidmat bagi menjalan dan menyampaikan amanah yang telah dipercayai oleh tuan-tuan langganan kepada kami....<sup>93</sup>

Sebagai khadam ( hamba ), mereka bertungkus-lumus selama lima bulan untuk menerbitkan *FS*. Mereka menganggapnya sebagai tanggungjawab membela hak dan kepentingan Melayu. Matlamat utamanya bukanlah untuk mengaut keuntungan. Mereka juga bukan meniagakan *FS*.<sup>94</sup> Penerbitan *FS* juga bukan untuk menyara kehidupan mereka. Usaha menerbitkan *FS* merupakan suatu perjuangan membela nasib dan masa depan Melayu. *FS* berkata :

Sehabis-habis daya upaya kami berusaha dan bekerja pada menyempurnakan umanat [amanah] yang tertanggung ke atas kami di dalam masa lima bulan sanat [berterusan] dengan tiada mengambil faedah atau gaji atau sen jua pun, sebab kami alhamdulillah ada memegang jawatan masing-masing yang boleh tempat kami menyandarkan belakang dan meletakkan kaki kami sedikit-sedikit di dalam masa kami menjalan dan memangkuhan pekerjaan Fajar dengan tiada memperduli dan menghiraukan lelah jerih yang telah kami rasai di dalam masa menjalankan pekerjaan itu ialah

---

<sup>93</sup> Ibid.

<sup>94</sup> Ini berbeza dengan pengusaha dan pelabur asing yang terlibat dalam bidang persuratkhabaran pada zaman kolonial British di Tanah Melayu. Menurut Abdul Samad Ismail, bagi mereka, “ia berupa sumber untuk meraih keuntungan”. Sebaliknya, “kepentingan nasional tidak menjadi perhitungan kerana kepada hartawan dan pemodal asing yang menjadi pemilik suratkhabar [khususnya akhbar Inggeris dan Cina], perniagaan suratkhabar serupa saja dengan perniagaan membuka sebuah perusahaan biasa”. Kepada pihak pengarangnya pula, “bidang itu [persuratkhabaran] hanya tempat dia memperluas pengalaman atau penumpang mencari rezeki, dan manakala tempoh kontraknya berakhir, pulanglah ia ke negeri asalnya”. A. Karim Haji Abdullah, *A. Samad Ismail : Ketokohan dan Kewartawanan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 163. Mohd. Sarim Hj. Mustajab ( et al. ), *Akhbar dan Majalah di Malaysia*, hlm. 5.

semata-mata niat kami bagi mekhidmatkan tanah air dan kaum bangsa kami yang dikasihi dan dihormati....<sup>95</sup>

Masalah kewangan *FS* juga berpunca daripada kurangnya sokongan masyarakat Melayu. Zaman kemelesetan ekonomi dunia pada akhir 1920-an hingga awal 1930-an, menurunkan kuasa beli rakyat. Kos penerbitan meningkat. Inflasi dan kos hidup juga tinggi hingga menyebabkan ada yang sanggup berkuli dengan tauke Cina.<sup>96</sup> Ini menyebabkan *FS* sentiasa merayu sokongan daripada pembaca.

Selain faktor kewangan, R.H.W Reece berpendapat “bahasa penulis-penulis *FS* selalunya berlebih-lebihan dan berbunga-bunga, menunjukkan pengetahuan bahasa Inggeris dan Arab mereka”.<sup>97</sup> Ia sukar difahami oleh masyarakat Melayu umumnya. Tetapi, itulah bentuk bahasa yang diterima pakai oleh golongan terpelajar Melayu di Sarawak ketika itu. Ini dapat dilihat menerusi aspek bahasa *Hikayat Sarawak* dan *Melati Sarawak*.

Menurut Reece lagi, *FS* juga “tidak dapat bersaing dengan majalah-majalah yang diimport seperti *Dunia Melayu* dari Singapura yang bertujuan untuk bacaan ramai”.<sup>98</sup> Pernyataan ini pula tidak dapat dipastikan kebenarannya. Ini kerana *Dunia Melayu* dihentikan penerbitannya pada 1930 dan hanya diterbitkan dua tahun sejak 1928. Dalam

---

<sup>95</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 3.

<sup>96</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>97</sup> Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xxi.

<sup>98</sup> Ibid.

tempoh tersebut, amat disangsikan kemampuan *Dunia Melayu* menjadi majalah popular di Sarawak.

Reece juga mengatakan *FS* tidak menjaga hati pembaca kerana “nada pengajaran dalam kebanyakan rencananya mungkin memberi kesan yang negatif kepada pembaca. Kadangkala timbul kemarahan dari pembaca terhadap setengah laporan yang dianggap menghina mereka”.<sup>99</sup> Ia sememangnya berasas. Surat “Anak Negeri” disiarkan oleh *FS* dalam Bilangan 4, 1 Mac 1930 adalah contohnya.<sup>100</sup>

Satu perkara penting yang langsung tidak disentuh oleh penerbit *FS* ialah wujudnya tentangan daripada pemimpin Melayu. Reece berpendapat penutupan *FS* disebabkan wujudnya “tekanan daripada pemimpin Melayu”.<sup>101</sup> Jika benar, kenapa ia tidak

---

<sup>99</sup> Ibid.

<sup>100</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 8.

<sup>101</sup> R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 133. Pendapat Reece disandarkan kepada pernyataan Mohd. Ma’amon Nor yang ditemubualnya pada 7 September 1978. Mohd. Ma’amon mengatakan, “penutupan *Fajar Sarawak* disebabkan oleh tindakan golongan perabangan dan sokongan daripada kerajaan [Brooke] untuk menutup mulut, mata dan telinga rakyat supaya mereka tidak tahu tentang politik, hak dan kepentingan mereka”. Seharusnya, Reece berhati-hati dengan pernyataan ini. Mohd. Ma’amon masih menyimpan rasa tidak puas hatinya terhadap golongan perabangan. Ia berlaku kerana biasiswa yang sepatutnya beliau perolehi untuk melanjutkan pelajaran ke Kolej Pertanian Serdang diberikan kepada anak golongan perabangan (tidak dinyatakan namanya). Baginya, ini adalah ketidakadilan terhadapnya. Berbanding pernyataan Mohd. Ma’amon, pengakuan *Fajar Sarawak* lebih konkret. Pendapat Mohd. Ma’amon perlu dinilai semula kerana ia mungkin dipengaruhi oleh pengalaman pahitnya. Biarpun Mohd. Ma’amon hidup sezaman dengan *Fajar Sarawak* tetapi beliau bukan pengasas *Fajar Sarawak*. Pernyataannya tidak dapat dikategorikan sebagai sumber primer. Mohammad Hasbie Sulaiman pula mengatakan, “Kritik-kritik yang pedas itu, menyinggung perasaan dan

disentuh oleh FS sama ada secara tersurat atau tersirat. Dakwaan Reece mencerminkan pula permusuhan antara pemimpin Melayu dengan FS.<sup>102</sup>

Tidak dapat dinafikan FS turut mengkritik pemimpin Melayu. Kadang-kadang ia disuarakan dengan lantang dan tegas. Ia tidak dinyatakan secara terang-terangan hingga menjelaskan imej dan menggugat kedudukan mereka. FS juga tidak memburuk-burukkan pemimpin Melayu.

Kritikan dan teguran FS bersifat membina. Seruan dan cadangan yang dikemukakan oleh FS pula untuk kepentingan dan masa depan Melayu. Ia juga memberi kesan positif

---

membangkitkan kemarahan pemimpin-pemimpin tradisional sehingga *Fajar Sarawak* menghadapi masa depan yang gelap akhirnya golong tikar dalam bulan Jun 1930, kerana tekanan hebat dari pihak aristokrat di masa itu". Jika ditelitkan keseluruhan isi kandungan *Fajar Sarawak*, pendekatan yang digunakannya mengkritik pemimpin Melayu bertentangan dengan pendapat Mohammad Hasbie Sulaiman. Ia tidaklah sekeras seperti yang dinyatakan olehnya. Beliau juga terpengaruh dengan pendapat Reece kerana menggunakan tulisan Reece sebagai rujukan menulis bukunya. Lebih menghairankan, masalah kewangan tidak pula dinyatakan sebagai faktor utama yang menyebabkan penutupan *Fajar Sarawak*. Walhal, ia merupakan masalah utama yang tidak dapat diragui lagi kebenarannya. Tetapi, tekanan daripada golongan pemimpin Melayu pula yang ditonjolkan, itupun tanpa asas yang kukuh juga. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 23-24.

<sup>102</sup> Tentang pendapat yang sama, rujuk Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966 : The Search for Unity and Political Ascendancy*, Oxford University Press, Singapore, 1985, hlm. 28. Sabihah Osman, "Fajar Sarawak dan Utusan Sarawak Peniup Semangat Kesedaran Dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak", hlm. 211. Mohammad Dris, "Perkembangan Kesusastraan Malaysia di Sarawak", hlm. 80 ; Hajijah Jais, "Fajar Sarawak dalam Bidang Penerbitan Dekad 30-an", hlm. 82-83 ; Mohd. Setar Mohd. Rani, "Kegiatan Golongan Melayu Terpelajar Sarawak Di Dalam Bidang Penulisan 1930-1950, hlm. 93 dan Jaraiee Sawal, "Sumbangan Utusan Sarawak Terhadap Perkembangan Bahasa dan Kesusastraan Melayu di Sarawak ( 1949-1971 )", dalam Hamzah Hamdani ( ed. ), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 114.

kepada mereka khususnya dalam aspek pendidikan, perniagaan dan tanah bumiputera seperti yang dibincangkan dalam Bab 3.

Tidak ada bukti kukuh menunjukkan pemimpin Melayu memulaukan *FS*. Begitu juga sebaliknya. Malah, pemimpin Melayu masih menyalurkan ucapan mereka melalui *FS* pula tetap menyarkan berita dan ucapan daripada pemimpin Melayu.<sup>103</sup>

Terdapat juga penulis yang menggunakan sikap pemimpin Melayu yang tidak merestui penubuhan PKMS pada peringkat awalnya, sebagai asas menyatakan berlakunya ketegangan hubungan antara pemimpin Melayu dengan penerbit *FS*.<sup>104</sup> Ini kerana pengasas *FS* dan PKMS terdiri daripada tokoh yang sama : Haji Abdul Rahman Kassim dan Johari Anang. Ia memperlihatkan pula sikap permusuhan yang berpanjangan antara pemimpin Melayu dengan penerbit *FS*.

---

<sup>103</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7 ; 1 Mac 1930, hlm. 3-8 ; 1 Jun 1930, hlm. 1 dan 16 Jun 1930, hlm. 1-5.

<sup>104</sup> Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 24. Beliau mengatakan, “Dalam mesyuarat pertama penubuhannya yang dihadiri seramai 72 orang pemimpin Melayu, 40 orang dari mereka telah keluar meninggalkan mesyuarat itu kerana tidak bersetuju untuk menubuhkan Persatuan Melayu Sarawak disebabkan takut kepada golongan aristokrat”. Soalnya, siapakah golongan yang dikatakan takut kepada golongan aristokrat itu? Kenapa mereka takut dengan golongan aristokrat dan apa puncanya? Adakah pengasas *Fajar Sarawak* dan PKMS turut keluar dari mesyuarat kerana takut dengan ancaman golongan aristokrat? Jika mereka takut dengan golongan aristokrat, kenapa pula mereka berani menubuhkan persatuan Melayu secara terbuka. Persoalan ini tidak dikupas oleh Mohammad Hasbie Sulaiman. Ini menyebabkan penerangannya janggal. Peristiwa ini tidak dapat dijadikan sebagai asas untuk menyatakan berlakunya permusuhan antara golongan *Fajar Sarawak* dengan pemimpin Melayu. Mohammad Hasbie Sulaiman ketika ditemu bual pada 7 / 1 / 2001, enggan mengulas lanjut mengenainya.

Perlu ditegaskan, ia hanyalah pendapat yang juga tidak disokong dengan bukti kukuh. Tidak ada sumber yang dapat mengesahkan pendapat tersebut. Malah, Haji Abdul Rahman Kassim menegaskan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dan Datu Amar Abang Sulaiman Taha<sup>105</sup> dilantik menjadi pemimpin tertinggi PKMS sebagai simbol penyatuan Melayu.<sup>106</sup>

Tindakan pemimpin Melayu tidak merestui penubuhan PKMS bukan kerana permusuhan yang berpanjangan. Ia mungkin disebabkan oleh rasa terkilan pemimpin Melayu terhadap pengasas PKMS. Mereka tidak diajak berbincang untuk menubuhkan PKMS. Ini menyebabkan pemimpin Melayu berkecil hati. Hanya setelah Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dilantik sebagai Penaung PKMS dan Datu Amar Abang Haji Sulaiman Abang Taha sebagai Presidennya, barulah pendaftaran PKMS diluluskan pada 10 Oktober 1939.

---

<sup>105</sup> Beliau lahir pada 1875 di Jedah, Arab Saudi dan mendapat pendidikan awal di Sekolah St. Thomas dan St. Joseph, Kuching dan berkhidmat sebagai Pegawai Tanah pada 1891. Abang Sulaiman pernah berkhidmat di Jabatan Kerja Awam dan Perbandaran. Pada 1920, beliau berkhidmat semula di Pejabat Tanah. Pada 1924, Abang Sulaiman dilantik sebagai Penolong Pegawai Tanah. Beliau dilantik sebagai Datu Amar pada 1928 oleh Charles Brooke. Beliau merupakan Pengurus PASPAM Cawangan Kuching yang pertama pada 1936. Beliau disingkirkan sebagai Presiden PKMS pada 27 Februari 1946 kerana menyokong penyerahan dan digantikan oleh Abang Haji Zaini Datu Bentara Hashim. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 25. Abang Yusuf Puteh, *The Malays of Sarawak : A Socio-Political Portrait*, Shobra Publications, Kuching, 1998, hlm. 593-599.

<sup>106</sup> Temu bual dengan Abdul Hamid dan Ahmad Syukor Abdul Rahman pada 5 / 1 / 2001. Abdul Hamid merupakan anak Haji Abdul Rahman yang paling rapat dengannya. Beliau sering membaca laporan, fail dan surat PKMS. Sejak dibangku sekolah lagi, Abdul Hamid minat bertanya tentang perjuangan ayahnya dan PKMS. Namun, ia tidak pernah dicatatkannya. Sebagai ahli dan sukarelawan ASAS, Ahmad Syukor turut membantu ayahnya di Pejabat Perhubungan Raya ASAS mencetak dan mengedarkan *Utusan ASAS*.

Jika benar sikap permusuhan antara *FS* dengan pemimpin Melayu menyebabkan penutupan *FS*, pastinya Datu Patinggi Abang Haji Abdillah tidak merestui penubuhan PKMS. Sebaliknya, beliau juga boleh menubuhkan persatuan Melayu yang lain. Malah, jika benar pemimpin Melayu dan pengasas *FS* saling bermusuhan sejak 1930-an lagi, masakan mereka boleh duduk bersama memimpin PKMS.<sup>107</sup>

Dakwaan penutupan *FS* disebabkan oleh tekanan pemimpin Melayu perlu diberikan penilaian semula. Ia memburukkan imej pemimpin Melayu umumnya. Ini kerana ia tidak disokong dengan bukti kukuh. Teguran dan kritikan yang diketengahkan oleh *FS* merupakan cerminan kepada pemimpin Melayu. Ia bukan suatu penghinaan.

Satu soalan yang wajar diketengahkan ialah apakah pemimpin Melayu ketika itu terlalu jahil hingga tidak dapat membezakan antara yang benar dan salah, betul atau tidak dan baik atau buruk? Adakah pemimpin Melayu memang tidak berguna langsung kepada

---

<sup>107</sup> PKMS dinaungi oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Yang Dipertua – Datu Amar Abang Haji Sulaiman Abang Taha, Naib Yang Dipertua – Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Haji Kawe Daud dan Haji Ali Hosen, Setiausaha Agung – Johari Anang dan Bendahari – Abang Mohammad Daim Abang Abdul Rahim. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti Cession Sarawak*, hlm. 141. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 142. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 24. Pada hemat penulis, Vyner Brooke melewati-lewatkan kelulusan PKMS dan hanya meluluskannya setelah golongan perabangan bersedia menerajui kepemimpinan PKMS kerana Vyner Brooke mahu menggunakan pengaruh dan kedudukan mereka untuk mengawal PKMS. Sebaliknya, bukan kerana marah dan curiga dengan pengasas *Fajar Sarawak* dan PKMS. Kesediaan pengasas PKMS menyerahkan jawatan Penaung dan Presiden PKMS kepada golongan perabangan menunjukkan terjalinya persefahaman dan saling menghormati antara kedua-dua pihak.

orang Melayu? Contohnya, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah merupakan pemimpin Melayu yang berusaha menubuhkan sekolah Melayu ( perempuan ) sejak 1920-an. Akhirnya, ia dibuka pada 1930. Sekolah ini dinamakan Sekolah Permaisuri.<sup>108</sup> Ia dicadangkan sejak 1880-an lagi oleh Datu Muda Abang Kassim.<sup>109</sup>

Terdapat juga penulis yang mendakwa pemimpin Melayu memainkan “peranan dalaman” hingga menyebabkan penutupan *FS*.<sup>110</sup> Ia sukar dipastikan. Tidak ada sumber yang dapat dijadikan atas pentafsiran yang kukuh. Jika benar, sejauh mana ia mengakibatkan penutupan *FS*? Persoalan ini masih belum dijelaskan. Hakikatnya, *FS* terpaksa diberhentikan kerana faktor kewangan. Masalah ini diakui oleh *FS*.<sup>111</sup> Dakwaan wujudnya tekanan dan tentangan pemimpin Melayu terhadap *FS*, belum dapat diterima sebagai fakta.

---

<sup>108</sup> Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 61.

<sup>109</sup> Beliau berketurunan Datu Merpati Jepang. Ayahnya, Datu Bandar Abang Haji Bolhassan merupakan anak Datu Patinggi Ali ( meninggal dunia pada 1844 ). Abang Kassim adalah ayah kepada Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Tentang salsilahnya, rujuk Salam Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah : Ketua Dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, Vicskill Sdn. Bhd., Sibu, 1995, hlm. 6. Tentang Datu Patinggi Ali, rujuk Chang Pat Foh, *The Land of Freedom Fighters*, Ministry of Social Development, Kuching, 1995, hlm. 87-89.

<sup>110</sup> Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 23. Persatuan Kesuasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xx-xxi dan R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 133. Tentang pendapat yang sama, rujuk juga Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941 : Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu” dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XL, December 1989, hlm. 94-96.

<sup>111</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 3.

## ***Utusan ASAS* 1947-1948**

*Utusan ASAS* ( UA )<sup>112</sup> diterbitkan pada 10 Oktober 1947<sup>113</sup> oleh ASAS.<sup>114</sup> ASAS bergiat aktif dalam gerakan anti penyerahan. Ia juga mempunyai cawangan di seluruh Sarawak. Keahliannya terbuka kepada bumiputera. Tidak ada maklumat jelas tentang tarikh pengasasan ASAS. Mungkin, ia diasaskan pada pertengahan akhir 1946 atau awal 1947 di Kuching, Antara pengasasnya Haji Abdul Rahman Kassim, Johari Anang dan Ikhwan Zaini.

---

<sup>112</sup> Penerbitan *Utusan ASAS* seangkatan dengan *Seruan Ra'ayat* ( 27 Oktober 1945 ), *Suara Seberkas* ( 1 Januari 1946 ), *Kesatuan Islam* ( Januari 1946 ), *Pelita Malaya* ( 4 Mac 1946 ), *Suluh Malaya* ( 20 April 1946 ), *Semboyan Baharu* ( 1 Mei 1946 ), *Penyedar* ( Julai 1946 ), *Chermin Malaya* ( 13 Julai 1946 ), *Al-Ikhyia* ( 1 Februari 1947 ), *Mutiara* ( November 1948 ) dan *Benar* ( 10 Ogos 1948 ). Untuk butiran ringkasnya, rujuk A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 53-64.

<sup>113</sup> Terdapat kesilapan tentang tarikh penerbitan *Utusan ASAS*. Mohd. Setar Mohd. Rani dan Jaraiee Sawal mengatakan ia diterbitkan pada 1948. Mohammad Dris pula berpendapat *Utusan ASAS* diterbitkan dari 1947 hingga 1949. Kesilapan ini terdapat dalam artikel masing-masing yang diterbitkan dalam Hamzah Hamdani ( ed. ), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 93 ; 115 ; 64. Dalam artikel terbarunya, “Pergerakan Bahasa-Sastera Melayu di Sarawak 100 Tahun”, Jaraiee Sawal menyatakan *Utusan ASAS* diterbitkan pada November 1947. Rujuk artikelnya dalam S. Othman Kelantan, *100 Tahun Pergerakan Bahasa Dan Sastera Melayu 1888-1988*, hlm. 208. Tarikh 10 Oktober mempunyai pengertiannya tersendiri dalam konteks perjuangan anti penyerahan. Ia bersamaan dengan tarikh pendaftaran PKMS. Besar kemungkinan ia dipengaruhi oleh Haji Abdul Rahman Kassim dan Johari Anang, dengan persetujuan Ikhwan Zaini juga. Ia menjadikan 10 Oktober sebagai tarikh bersejarah bagi mereka.

<sup>114</sup> Latar belakang ASAS tidak dapat dijejaki dengan lebih jelas kerana tidak terdapat rekod bertulis. Tokoh pemimpinnya juga meninggal dunia.

ASAS mempunyai empat jabatan iaitu Jabatan Pengangkutan, Pelayaran dan Pekerjaan (Perdagangan) serta Pertanian. Pada awal 1948, ASAS dengan kerjasama PKMS melancarkan Tabung Modal Iktisad Kebangsaan Sarawak. Ia bertujuan memajukan ekonomi bumiputera secara menyeluruh.<sup>115</sup> ASAS pernah mengadakan Persidangan Agung pertamanya pada 21 Mei 1948, di Kuching.<sup>116</sup>

ASAS ditubuhkan untuk memberikan penjelasan tentang perjuangan dan perkembangan anti penyerahan. ASAS juga bertanggungjawab menyebarkan pengaruh dan mendapatkan sokongan masyarakat terhadap perjuangan anti penyerahan. Barisan tertinggi kepemimpinan ASAS tidak diketahui dengan jelas. Antara tokoh terpentingnya Ikhwan Zaini. Beliau merupakan Setiausaha Agung ASAS. Ikhwan Zaini juga memainkan peranan penting menerbitkan *UA*. Beliau mengetuai sidang editor *UA* di samping Johari Anang dan Haji Abdul Rahman Kassim.<sup>117</sup>

*UA* dicetak dua kali sebulan. Ia diterbitkan pada awal dan pertengahan bulan. Harganya sepuluh sen senaskhah. Pada awalnya, *UA* dicetak oleh Kuching Press. Tetapi, mulai

---

<sup>115</sup> *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 2-4.

<sup>116</sup> *Utusan ASAS*, 1 Mei 1948, hlm. 2.

<sup>117</sup> Ikhwan Zaini bukanlah pengarang biasa *Utusan ASAS* seperti yang dinyatakan oleh Dayang Naralam. Dayang Naralam Awang Raini, “Ikhwan Zaini : Satu Kajian Tentang Perjuangan Dan Pemikiran Politiknya”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996/1997”, hlm. 40. Ikhwan Zaini merupakan Ketua Pengarang *Utusan ASAS*. Temu bual dengan Mohammad Hasbie Sulaiman pada 7 / 1 / 2000 mengesahkannya. Beliau adalah ahli ASAS dan sukarelawan yang terlibat mencetak dan mengedarkan *Utusan ASAS*.

keluaran kedua hingga akhir, percetakan *UA* diambil alih oleh ASAS Press untuk melicinkan urusan penerbitan, percetakan dan pengedarannya.

Pejabat ASAS Press terletak di Pejabat ASAS, No. 39, Tingkat 1, India Street, Kuching. Ia diterbitkan oleh Pejabat Perhubungan Raya ( PPR ) ASAS dengan huruf rumi. Di sepanjang penerbitannya mulai 10 Oktober 1947 hingga 15 Ogos 1948, *UA* diterbitkan 20 keluaran. Hanya 13 keluaran sahaja yang masih kekal. Tujuh keluaran yang terakhir tidak ditemui lagi iaitu keluaran 15 Mei, 1 Jun, 15 Jun, 1 Julai, 15 Julai, 1 Ogos dan 15 Ogos 1948.

Pada dasarnya, *UA* diterbitkan hanya untuk ahli ASAS. *UA* berperanan sebagai lidah rasmi ASAS khususnya dan golongan anti penyerahan umumnya.<sup>118</sup> Apabila menyedari sambutan hangat terutamanya daripada golongan anti penyerahan, mulai keluaran keduanya,<sup>119</sup> *UA* memansuhkan frasa “Untuk Ahli2”. Langkah ini juga bertujuan menjamin kelangsungannya dalam jangka masa panjang.

---

<sup>118</sup> Penerbitan akhbar dan majalah yang berperanan sebagai lidah rasmi pertubuhan tertentu selepas Perang Dunia ke-II, bukan hanya disedari oleh ASAS. Di Tanah Melayu, terdapat beberapa akhbar penting ( sekadar menyebut beberapa contoh ) yang berperanan seperti *Utusan ASAS*. Antaranya *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya* ( Parti Kebangsaan Melayu Malaya ), *Suara UMNO*, *Al-Ikhya* dan *Benar* ( Hizbul Muslimin ), *Seruan Ra'ayat* dan *Melayu Raya* ( pendokong konsep Melayu Raya ), *Fikiran Rakyat* ( Partai Rakyat Malaya ) dan *Kritik* ( Parti Negara ). Untuk butiran ringkasnya, rujuk A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabran Melayu 1876-1968*, hlm. 53-90.

<sup>119</sup> *Utusan ASAS*, 15 November 1947, hlm. 1.

Sebagai “Suratkhabar Anaknegeri Yang Utama” dan “Sebaik2 Hadiah”, *UA* diedarkan ke kawasan kubu kuat golongan anti penyerahan seperti Kuching, Serian, Simanggang, Sibu, Miri dan Limbang.<sup>120</sup> Jumlah edarannya tidak dinyatakan.<sup>121</sup> *UA* juga diedarkan di Singapura khususnya kepada ahli United Sarawak National Association ( USNA )<sup>122</sup> dan Sarawak Malayan Union Singapore ( SMUS ).<sup>123</sup> USNA dan SMUS adalah pertubuhan anti penyerahan yang bergerak di Singapura.<sup>124</sup>

---

<sup>120</sup> Di Kuching, terdapat dua wakil pengedarnya iaitu Toko Mustapha ( No. 5, Market Street ) dan Kin Siong Chong Cultural Service ( No. 6, Khoo Hun Yeang Street ). *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 1-4.

<sup>121</sup> Menurut Mohammad Hasbie Sulaiman, cetakan pertamanya antara 1,000-2,000 naskhah. Tidak ada rekod tentang jumlah cetakan *Utusan ASAS* sehingga penerbitannya dihentikan. Temu bual pada 7 / 1 / 2001. Jumlah ini agak kecil jika dibandingkan dengan edaran akhbar dan majalah di Tanah Melayu. *Al-Imam* misalnya, pernah dicetak 5000 naskhah. Sehingga meletusnya Perang Dunia Ke-II, tidak ada akhbar dan majalah Melayu di Tanah Melayu yang dapat mengatasinya. Purata akhbar dan majalah Melayu yang dicetak dalam tempoh tersebut ialah 3000 naskhah. Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, hlm. 71.

<sup>122</sup> USNA ditubuhkan pada April 1946 di Singapura. Ibu pejabat USNA terletak di Geylang. Keahliannya kira-kira 300 orang yang terdiri daripada Melayu, Iban dan Cina. USNA dipimpin oleh Sirat Mohamad ( Presiden ), Awang Kipli ( Pengurus ), Kipli Osman ( Setiausaha Agung ) dan Hipni Bujang ( Bendahari ). USNA membantu memberikan publisiti kepada perjuangan pertubuhan anti penyerahan di Sarawak. Ia adalah sebuah badan bebas yang tidak tertakluk dengan pertubuhan anti penyerahan di Sarawak. USNA dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan pertubuhan dan pemimpin Melayu-Indonesia yang radikal. Ini mungkin mempengaruhi sikap dan corak perjuangan Kipli Osman. Oleh sebab Kipli Osman tidak lagi sehaluan dengan USNA, dia digantikan oleh Anuar Ahmad sebagai Setiausaha Agung USNA. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 270-274. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 49 ; 55 ; 56. Ho Hui Ling, “Pertubuhan-pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak, Tahun 1946-1963”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 28-2000, hlm. 81-82.

<sup>123</sup> Latar belakang dan perkembangan SMUS tidak jelas. Tidak ada rekod tentang penubuhan dan perkembangannya. Ia tidak pernah disebut dalam pengkajian sejarah Sarawak khususnya dalam konteks perjuangan anti penyerahan. SMUS juga tidak begitu dikenali berbanding USNA. Tidak mungkin SMUS dan USNA merupakan dua

Penerbitnya juga memberikan naskhah *UA* kepada Anthony Brooke di Singapura sebagai rujukan. Ini membolehkan USNA, SMUS, Anthony Brooke dan pihak luar yang berminat mengikuti perjuangan anti penyerahan mendapat maklumat. Ia juga bertujuan merapatkan hubungan pertubuhan anti penyerahan dalam dan luar negeri.

Moto *UA*, “Raayat Yang Mengetahui Ialah Keselamatan Negara”. Ia bermakna rakyat yang menginsafi hak, kepentingan dan masa depan mereka juga berusaha memelihara keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran. Malah, rakyat yang sedar terhadap penjajahan British akan mempertahankan kemerdekaan tanah air. Moto *UA* juga menyeru bumiputera Sarawak khususnya menyertai perjuangan anti penyerahan selain membela nasib dan kepentingan mereka sebagai anak negeri. Berhubung dasar perjuangannya, *UA* menegaskan :

[B]ahwa Utusan ASAS tetap akan berkhidmat menentang kezaliman dan membela hak kebenaran dan peri keadilan.<sup>125</sup>

---

pertubuhan yang sama. Pengasasan SMUS disahkan oleh *Utusan ASAS*. SMUS dinyatakan buat pertama kalinya oleh *Utusan ASAS* dalam keluaran 1 Mac 1948. Pada masa yang sama, USNA juga telah terasas di Singapura. Setakat ini, belum ada butiran lanjut berhubung SMUS. Ia menunjukkan terdapat dua buah pertubuhan anti penyerahan yang terasas di Singapura : USNA dan SMUS.

<sup>124</sup> Jika ditinjau semula perkembangan gerakan kebangsaan Melayu selepas Perang Dunia Ke-II, pertubuhan persatuan di seberang laut yang turut memperjuangkan kemerdekaan tanah air bukan hanya berlaku di Sarawak sahaja. Di Indonesia, terdapat juga pertubuhan yang berjuang menuntut kemerdekaan Tanah Melayu : Liga Kemerdekaan Malaya ( pimpinan Mohd. Mustaza ), Kesatuan Malaya Merdeka ( pimpinan Ibrahim Yaakob ) dan Perikatan Pemuda Tanahair Malaya di Seberang Laut ( pimpinan Rabib Randi ). Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmi : Suatu Kemelut Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 128.

Ia bertepatan pula dengan prinsip perjuangannya, “Setarap Pada Undang2, Bebas Berchakap dan Bebas Tulis-Menulis”.<sup>126</sup> Seterusnya, *UA* menjelaskan :

Ia berusaha mengeluarkan tiap2 keterangan dan maalumat yang benar dan sedapat2-nya menyiar berita2 yang kena mengena dengan harapan merapat perhubungan raayat jelata seluroh Sarawak.

Utusan Asas berkhidmat memperluas suasana siasah, kebudayaan dan iktisad. Ruangannya terbuka untuk fikiran, chadangan, dll2-nya daripada pembacha. Sifatkanlah Utusan Asas ini sebagai surat khabar pembacha sendiri. Marilah kita bersatupadu, menyampornakan kewajipan dan menchiptakan tujuan kita bersama.<sup>127</sup>

Berhubung prinsip perjuangan ASAS pula, ia berdiri di atas tiga asas utama :

ASAS menerang perkara2 yang benar.  
ASAS menuntut keadilan.  
ASAS berpandu dengan Undang2.<sup>128</sup>

“ASAS menerang perkara2 yang benar” bermaksud ia mementingkan kebenaran dan kesahihan melaporkan perkembangan semasa perjuangan anti penyerahan. *UA* mahu rakyat mengetahui perjuangan dan perkembangan sebenar perjuangan anti penyerahan. Begitu juga pihak luar yang berminat mengikuti perkembangan perjuangan anti penyerahan. Ia dapat mengatasi masalah salah anggapan mereka terhadap perjuangan anti

---

<sup>125</sup> *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 2.

<sup>126</sup> *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 1. ( Lihat ruangan teratas ).

<sup>127</sup> *Ibid.*

<sup>128</sup> *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 1.

penyerahan. *UA* berusaha mengimbangi propaganda British dan pihak pro penyerahan. *UA* turut mendedahkan putar belit, sogokan dan ugutan yang berlaku dalam proses penyerahan seperti yang dibincangkan dalam Bab 4.

*UA* juga berjuang menuntut keadilan daripada British melalui ketajaman mata pena. Pejuang anti penyerahan umumnya dan *UA* khususnya, menyifatkan penyerahan Sarawak kepada British sebagai haram. Pertama, ia bertentangan dengan wasiat, sumpah pertabalan dan undang-undang negeri. Kedua, putar belit dan rasuah yang digunakan oleh Mac Bryan mendapatkan persetujuan Datu-datu Melayu. Ketiga, keabsahan undi wakil bukan bumiputera dalam Majlis Negri.<sup>129</sup> Ia juga tidak diiktiraf oleh pejuang anti penyerahan.

Satu lagi ketidakadilan British yang disanggah oleh pejuang anti penyerahan ialah sikap selektif British terhadap Piagam Atlantik.<sup>130</sup> British memerdekaan India, Pakistan dan Burma, tetapi pada masa yang sama British menjajah Sarawak. Bagi *UA*, ini adalah satu ketidakadilan dasar British. Tindakan ini menyebabkan *UA* menetapkan “ASAS menuntut keadilan” sebagai prinsip perjuangannya. Ia juga bererti menuntut

---

<sup>129</sup> Untuk perbincangan lanjut, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 246-279. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 37-62. Yusuf Peter Heaton, “The Anti-Cession Movement In Sarawak”, hlm. 58-71. Liang Kim Bang, *Sarawak 1941-1957*, Department of History, University of Singapore, Singapore, 1964, hlm. 4-13. Nordi Achie, “Perjuangan Wanita Dalam Gerakan Anti Penyerahan 1946-1950”, dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. LV, December 2000, hlm. 151-180.

<sup>130</sup> *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 1 ; 15 November 1947, hlm. 2. ; 1 Disember 1947, hlm. 2.

kemerdekaan. Ini kerana jika British menunaikan tuntutan keadilan, British juga memberikan kemerdekaan kepada Sarawak.

“ASAS setarap pada Undang2” menunjukkan *UA* berjuang berlandaskan undang-undang. Perjuangan secara bersenjata bukan dasarnya. Ia bertujuan mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap perjuangan anti penyerahan. Bagi *UA*, perjuangan bersenjata sukar diterima oleh rakyat. Ia juga menyukarkan pengedaran *UA* secara meluas. Dasar perjuangan secara berperlembagaan penting demi menjaga imej golongan anti penyerahan. Oleh itu, *UA* berpegang kepada tiga prinsip utama dalam perjuangannya iaitu menegakkan kebenaran, menuntut keadilan dan memelihara keamanan.

Tiga prinsip ini bertepatan pula dengan tujuan asas penerbitan *UA* iaitu “untuk menerang perkara yang benar dan menuntut keadilan berpandukan kepada undang2”. Ia turut diakui oleh penulis yang menggunakan nama samaran, “A.B.C” :

Saya boleh menentukan bahwa rakyat jelata sangat mengkehendaki segala penerangan dan berita yang betol, bukan propaganda yang palsu, terutama sekali terhadap perihal masaelah Sarawak yang sebenar2-nya. Maka Utusan Asas sangat dihergai kerana menyiar berita yang benar [dan] menasabah pada tempatnya.<sup>131</sup>

---

<sup>131</sup> *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 2.

Aspek yang disentuh oleh *UA* meliputi “politik, iktisad dan kebudayaan”.<sup>132</sup> Menurut *UA*, ketiga-tiga aspek ini khususnya siasah dan iktisad, tidak dapat dipisahkan. Ini kerana “jika politik dijalankan tidak bersandar dengan kekuatan ekonomi samalah seperti memasukkan lembu [ke] dalam lubang jarum”.<sup>133</sup>

Namun, aspek iktisad dan kebudayaan tidak disentuh oleh *UA*. Ia lebih menumpukan kepada aspek politik (isu penyerahan). Ia merupakan isu terpenting bagi *UA*. Malah, isu penyerahan juga mendasari asas kebangkitan golongan anti penyerahan dan penerbitannya.

*UA* mempunyai simbol perjuangannya tersendiri. Di ruangan teratasnya, terpampang lukisan lilin yang bersinar, dua botol dakwat, empat batang pena (dua di kiri dan dua di kanan), buku dan pembaris. Ia mempunyai maksudnya tersendiri. “Lilin yang bersinar” bermaksud semangat perjuangan kental menentang penyerahan Sarawak dan penjajahan British. Ia juga menggambarkan keutuhan prinsip perjuangan dan harapan tinggi golongan anti penyerahan. Mereka sanggup mengorbankan kepentingan diri demi memperjuangkan kemerdekaan Sarawak.

“Empat batang pena di kiri dan kanan” melambangkan betapa pentingnya pena, penulisan dan akhbar dalam perjuangan. Melaluinya golongan anti penyerahan dapat memperkuuh

---

<sup>132</sup> *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 1.

<sup>133</sup> *Utusan ASAS*, 15 November 1947, hlm. 2.

dan meluaskan pengaruhnya. “Empat batang pena di kiri dan kanan” juga melambangkan pentingnya ilmu dan pendidikan kepada anak negeri.

“Dua botol dakwat” melambangkan semangat dan inspirasi perjuangan yang teguh. Ia penting kepada golongan anti penyerahan seperti pentingnya dakwat kepada pena. Ia umpsama nafas dalam perjuangan anti penyerahan. Tanpanya, perjuangan akan lemah dan cita-cita untuk mencapai kemerdekaan sukar dicapai.

“Dua buah buku” mencerminkan kepentingan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Ia penting sebagai asas kemajuan. Ilmu juga berperanan sebagai penggerak kemajuan. “Sebatang pembaris” menggambarkan keikhlasan dalam perjuangan. Sikap belot dan khianat yang menjadi racun perjuangan mesti dihindari. Mereka mesti bersatu hati dan tindakan mencapai cita-cita kemerdekaan sekaligus menentang penjajahan British.

“Pembaris” juga bererti pentingnya menilai diri dan mengukur perjuangan mereka. Ia wajar dilakukan sebagai landasan untuk meneruskan perjuangan. Ini dapat memastikan perjuangan mereka berjalan lancar dan tidak terkeluar daripada prinsip perjuangan.

Bahasa yang digunakan oleh *UA* mudah difahami. Isinya padat dan ringkas. Ayat yang digunakannya tidak panjang berjela. Ruang *UA* dibahagikan kepada dua lajur setiap halaman. Dalam keluaran pertamanya, terdapat cetakan versi bahasa Iban.<sup>134</sup> Ia penting

---

<sup>134</sup> Ia diedarkan secara percuma. *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 2.

bagi meluaskan sokongan dan pengaruh perjuangan anti penyerahan di kalangan masyarakat Iban. Ia juga bertujuan membuka pasaran *UA* kepada mereka.<sup>135</sup>

Namun, jumlah orang Iban yang buta huruf ketika itu agak besar bilangannya iaitu 161,574 orang. Hanya 3625 orang sahaja yang celik huruf.<sup>136</sup> Ini menyebabkan mulai keluaran keduanya, tidak ada lagi *UA* versi bahasa Iban diterbitkan.

*UA* membahagikan ruangannya kepada lima bahagian. Terdapat ruangan rencana pengarang, ruangan pojok “Apa Kata Raayat” oleh “Tiga Serampun”, berita dalam dan luar negeri, surat pembaca dan kata-kata hikmah.<sup>137</sup> Tidak ada ruangan khusus untuk bahagian ekonomi, keagamaan dan karya sastera. *UA* lebih menumpukan kepada isu politik.<sup>138</sup>

---

<sup>135</sup> Sokongan mereka penting kerana orang Iban merupakan 34% daripada keseluruhan penduduk Sarawak. Orang Iban juga merupakan penduduk bumiputera terbesar di Sarawak. Berdasarkan bancian 1947, jumlah orang Iban ialah 190,326 ; Cina - 145,158 ; Melayu - 97,469, Bidayuh - 42,195, Melanau - 35,560, bumiputera lain - 29,867, Eropah - 691 dan lain-lain penduduk - 5,119. *Sarawak Annual Report 1950*, Government Printing Office, Kuching, hlm. 7.

<sup>136</sup> Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 125.

<sup>137</sup> Contohnya, “Banyakkan kerja, sedikitkan berchakap”, “Gampang, kesudahannya ruboh”, “Barang siapa yang tidak mementingkan urusan bangsa bukanlah dia daripada mereka”, “Tulong dan bantu, dasar meninggi mutu” dan “Kerajinan itu membawa kemajuan”. *Fajar Sarawak*, 1 Februari ; 1 Mac ; 1 Jun dan 16 Jun, hlm. 2-8.

<sup>138</sup> *Utusan ASAS* bukanlah satu-satunya akhbar yang memberikan tumpuan kepada isu politik selepas Perang Dunia Ke-II. Di Tanah Melayu, peranan yang sama dimainkan oleh *Seruan Ra'ayat*. Malah, ia diterbitkan lebih awal daripada *Utusan ASAS*. *Seruan Ra'ayat* diterbitkan pada 17 Oktober 1945 oleh Harun Aminurrashid di Kuala Lumpur sebagai akhbar harian berhuruf rumi. Ia “berusaha berjuang menyeru rakyat Tanah

Iklan yang terdapat dalam *UA* kebanyakannya iklan makanan, buku dan peralatan sukan. Kebanyakan iklan daripada peniaga Melayu.<sup>139</sup> Tidak terdapat iklan daripada syarikat luar negeri. Harga iklan pula tidak dinyatakan. Jumlah iklan yang disiarkannya juga agak terhad. *UA* adalah akhbar perjuangan. Matlamatnya bukan keuntungan.

Dalam ruangan berita dalam negeri, hampir keseluruhannya dimuatkan dengan kegiatan dan perkembangan perjuangan anti penyerahan. Ia melibatkan pertubuhan, tokoh dan kegiatan pejuang anti penyerahan. *UA* juga memberikan ruang untuk berita perkembangan ekonomi, keagamaan, pendidikan, kebudayaan, sukan, dan pesta keramaian yang dijalankan oleh golongan anti penyerahan.<sup>140</sup>

Berita luar negeri yang disiarkan oleh *UA*, hampir kesemuanya tentang pergolakan politik.<sup>141</sup> Ia merangkumi berita di seluruh dunia khususnya perkembangan Perang

---

Melayu ke arah mencapai kerajaan sendiri dan berusaha keluar daripada kepompong penjajahan British". Aspek ekonomi dan pendidikan juga disentuhnya di samping bahasa Melayu. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Rohaya Mohd. Noor, "Seruan Ra'ayat 1945-1946", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999/2000.

<sup>139</sup> Contohnya, iklan Trio Café, Toko Mustapha, Shaik Saida Abdullah Bross dan Sontol Haji Nasar.

<sup>140</sup> *Utusan ASAS*, 15 November ; 1 Disember ; 15 Disember 1947, hlm.1-2 ; *Utusan ASAS*, 1 Januari ; 15 Januari ; 1 Februari ; 15 Februari ; 1 Mac ; 10 Mac ; 15 Mac ; 1 April ; 15 April dan 1 Mei 1948, hlm. 1-4.

<sup>141</sup> Fokus yang sama diberikan oleh akhbar di Tanah Melayu seperti *Pelita Malaya*. Ia diterbitkan oleh Zulkifli Auni pada 4 Mac 1946 di Kuala Lumpur. Turut sama memimpinnya ialah Onan Siraj, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Ishak Haji Muhammad (Ketua Pengarang), Ahmad Boestamam dan Dahari Ali. Penerbitannya dihentikan pada 3

Dingin.<sup>142</sup> Pemfokusan *UA* terhadap perkembangan politik dunia penting bagi membolehkan rakyat peka terhadap perkembangan semasa.

Ia bertujuan menyedarkan mereka agar sentiasa bersiap-sedia menghadapi kemungkinan meletusnya perang yang lebih besar. Berita perkembangan semasa luar negeri dipetik oleh *UA* melalui bahan bacaan luar negeri. Namun, *UA* tidak pula menyatakan sumber berita yang dipetiknya kecuali dalam bilangan yang terhad sahaja.<sup>143</sup>

Walaupun Tanah Melayu begitu dekat dengan Kuching, tetapi tidak ada perkembangan politik di Tanah Melayu dipetik oleh *UA* kecuali berita di Singapura. Ini termasuklah perkembangan perjuangan golongan radikal.<sup>144</sup> Berita dari Tanah Melayu dan Singapura

---

Ogos 1946. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Adnan Hj. Nawang, “*Pelita Malaya*”, dalam Khoo Kay Kim ( ed. ), *Lembaran Akhbar Melayu*, hlm. 133-149.

<sup>142</sup> Berita luar negeri *Utusan ASAS* merangkumi Singapura, Tanah Melayu, Manila, China, Hong Kong, Korea, India, Sri Lanka, Palestin, Iraq, Turki, Colombia, Soviet Union, Amerika dan Eropah. Hampir keseluruhan berita luar negeri tidak dinyatakan sumbernya.

<sup>143</sup> Antaranya *Malayan Tribune*, *Utusan Zaman*, *Utusan Melayu*, *The Straits Budget*, *The Straits Times* dan *The New Life Evening News*. *Utusan ASAS*, 15 November 1947, hlm. 2 dan 15 Disember 1947, hlm. 1 ; 1 Januari 1948, hlm. 2 ; 15 Januari 1948, hlm. 2 ; 1 Mac 1948, hlm. 4 ; 15 Mac 1948, hlm. 3 ; 1 April 1948, hlm. 2 ; 1 Mei 1948, hlm. 1.

<sup>144</sup> Contohnya, perkembangan All Malayan Council of Joint Action ( AMCJA )-Pusat Tenaga Rakyat ( PUTERA ), Malayan Democratic Union dan Pemuda Radikal Melayu. *Utusan ASAS*, 15 Januari 948, hlm. 1 dan 1 April 1948, hlm. 4. Untuk perbincangan lanjut tentang gerakan radikal di Tanah Melayu selepas Perang Dunia ke-II, rujuk Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam : Suatu Biografi Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 65-207 dan Burhanuddin Al-Helmi, hlm. 31-92. Cheah Boon Kheang, *Komrad Bertopeng : Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis Di Tanah Melayu 1945-1948*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982. Leong Yee Fong, *Labour and Trade Unionism In Colonial Malaya : A Study of the Socio-Economic*

dipetik oleh *UA* daripada *Malaya Tribune*, *The Straits Budget*, *Utusan Zaman* dan *Utusan Melayu*.<sup>145</sup>

Penerbitan *UA* sememangnya dialu-alukan oleh pejuang anti penyerahan. Ini jelas terpancar menerusi ucapan penghargaan mereka. Ia menunjukkan kesedaran mereka terhadap peranan dan kepentingan akhbar dalam perjuangan. Sokongan ini juga membayangkan semangat kesatuan dalam perjuangan. Ia juga menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan *UA* sebagai organ perjuangan menuntut kemerdekaan.

Johari Anang, Setiausaha Agung PKMS menyifatkan “Utusan Asas sebagai bintang marak memanchar chahayanya di dalam jagat”.<sup>146</sup> Haji Suut Tahir,<sup>147</sup> Setiausaha Agung Barisan Pemuda Sarawak ( BPS )<sup>148</sup> berkata :

---

*and Political Bases of the Malayan Labour Movement*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1999.

<sup>145</sup> Keempat-empat akhbar berkenaan pernah dirujuk dan dipetik oleh *Utusan ASAS*. Untuk *Malaya Tribune*, rujuk *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 2 dan 1 Mac 1948, hlm. 3 ; *Utusan Melayu* ( *Utusan ASAS*, 15 November 1947, hlm. 2 ) ; *Utusan Zaman* ( *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 1 ) dan *The Straits Budget* ( *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 3 ).

<sup>146</sup> *Utusan ASAS*, 15 November 1947, hlm 1.

<sup>147</sup> Beliau lahir pada 1909 di Kuching. Haji Suut Tahir mendapat pendidikan di Madrasah Melayu dan Sekolah St. Thomas. Pada 1929, beliau berkhidmat di Jabatan Kesihatan sebagai Pembantu Pegawai Perubatan. Pada 1946, Haji Suut Tahir dilantik sebagai Pegawai Jabatan Perubatan di Simanggang dan menubuhkan Persekutuan Melayu Simanggang. Beliau adalah pengasas BPS pada 1947 dan Setiausaha Agung pertamanya. Beliau juga merupakan salah seorang pengasas Barisan Rakyat Jati Sarawak ( BARJASA ) pada 1961 dan dilantik sebagai Pegawai Penerangan. Beliau fasih berbahasa Iban dan beberapa dialek Cina. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 130. Sabihah Osman,

Kandongannya telah kita tatapi dengan sehalus2 tatapan dan kita dapati sangat2 berherga diatas satu persatunya, maka kita berdoa mudahan dipanjangkan umor asia [usia] ASAS yang membawa kemajuan bangsa dan nosa.<sup>149</sup>

Ajibah Abol,<sup>150</sup> Setiausaha Kaum Ibu Sarawak ( KIS )<sup>151</sup> turut menyatakan sokongannya kepada *UA* dalam penegasannya :

---

“The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951”, *JEBAT*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, No. 18, 1990, 151.

<sup>148</sup> BPS ditubuhkan di Kuching oleh golongan pemuda Melayu yang tidak berpuas hati dengan kepemimpinan PKMS. Pemimpin PKMS dikatakan enggan menerima pandangan golongan pemuda dalam PKMS. Keahliannya terbuka kepada golongan pemuda bumiputera Sarawak. Presiden pertamanya Abang Kassim Abang Taha. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 49. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 272-274. Sabihah Osman, “The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951”, hlm. 156-157.

<sup>149</sup> *Utusan ASAS*, 15 September 1947, hlm. 2.

<sup>150</sup> Beliau lahir di Kampung Masjid, Kuching pada 1929. Ajibah mendapat pendidikan di Sekolah Permaisuri di bawah bimbingan Lily Eberwein. Beliau berkhidmat sebagai guru di Sekolah Permaisuri pada 1939. Ajibah merupakan ahli Barisan 338 dan antara pengasas PWMS. Beliau diamanahkan sebagai Setiausaha PWMS pertama. Pada 1959-1974, Ajibah dipilih sebagai Naib Presiden PKMS. Pada 1961, Ajibah dipilih sebagai Pengurus Kaum Ibu BARJASA di samping menjadi pengasasnya. Ajibah menjadi Ahli Parlimen Malaysia pada 1963 dan dilantik sebagai Menteri Kebajikan Am Sarawak pada 1974 oleh Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'akub. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Nordi Achie, “Wanita dan Politik Sarawak 1946-1996 : Peranan, Penglibatan dan Tokoh”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997/1998, hlm. 106-112 dan “Wanita Dalam Politik Sarawak 1946-1996 : Satu Tinjauan Awal”, Kertas Kerja, Simposium Sejarah Sarawak, 16-17 Ogos 2000, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 33-34. Haji Nor Tahir, *Patah Tumbuh Hilang Berganti*, Haji Nor Tahir, Kuching, 1987, hlm. 4-18. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 274.

<sup>151</sup> Ia juga dikenali sebagai Persatuan Wanita Melayu Sarawak ( PMWS ) dan Kaum Ibu PKMS. Untuk latar belakang lanjutnya, rujuk Nordi Achie, “Wanita dan Politik Sarawak 1946-1996”, hlm. 31-35.

Utusan Asas sebagai penyedar dan penggalak yang pertama, diharap juga akan menjadi tempat untuk bumiputera membayangkan fikirannya bagi kebajikan umom. Kami kaum ibu tetap menyukong tuan sebab dengan dzahirnya Utusan Asas akan diturut pula oleh perubahan2 siasah, kebudayaan, iktisad, masharakat ... di sisi kita. Utusan Asas tetap maju demi sesaat.<sup>152</sup>

Ariffin Abdul Rahman, ahli Barisan 338 menyatakan kesyukurannya atas penerbitan *UA* “kerana ASAS menghasilkan permintaan haknya dari pemerintah tempatan”. Anthony Brooke menegaskan “tuan [*UA*] tentu akan memberi bantuan suatu perkhidmatan raya terhadap raayat Sarawak” kerana “tuan telah mengasaskan derjat yang tinggi tertinggi untuk tuan sendiri”.<sup>153</sup>

Penerbitan *UA* dihentikan pada 15 Ogos 1948. Keluaran terakhirnya ialah Bilangan Ke-20. Penutupan *UA* berpunca daripada masalah kewangan. Pihak penerbit tidak mampu menampung kos penerbitan kerana kekurangan pelanggan. Walaupun *UA* tidak menghadapi saingan daripada akhbar lain sebagai lidah rasmi golongan anti penyerahan, tetapi *UA* menghadapi masalah langganan. Ia disebabkan oleh lima faktor.

Pertama, masalah harga *UA*. Pada 1947, harganya 10 sen senaskhah untuk dua halaman. Pada 1948, meskipun diterbitkan empat halaman setiap naskhah, namun harga *UA* masih tetap 10 sen. Harga jualan yang murah menyebabkan pihak penerbit sukar menampung

---

<sup>152</sup> *Utusan ASAS*, 15 September 1947, hlm. 2.

<sup>153</sup> *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 1.

kos penerbitan dan percetakan *UA*. Ini menyebabkan penerbitan *UA* terpaksa dihentikan apabila jumlah pelanggan dan pembacanya semakin berkurangan.

Kedua, rakyat menghadapi kos hidup dan inflasi yang tinggi selepas Perang Dunia Ke-II. Harga beras \$6.00 segantang, gula \$4.00 sekati dan rokok \$6.00 sebungkus.<sup>154</sup> Ini menyebabkan *UA* menghadapi masalah jualannya. Bagi pihak penerbit *UA*, harga 10 sen senaskhah berpatutan. Tetapi, bagi rakyat ia agak mahal. Wang diperlukan untuk menampung keperluan asas sehari-hari. Mereka terpaksa berjimat untuk meneruskan kelangsungan hidup. Dalam keadaan ini, pastinya kelangsungan lebih hidup utama berbanding keperluan lain seperti akhbar.

Ketiga, *UA* juga gagal menarik minat peniaga untuk mengiklankan syarikat dan barang mereka dalam *UA*. Jumlah iklan dalam *UA* agak terhad.<sup>155</sup> Ia hanya tertumpu kepada

---

<sup>154</sup> Sanib Said, “Anti-Cession Movement 1946-1951 : The Birth of Nationalism in Sarawak”, Graduation Exercise, B.A., Department of History, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1975/1976, hlm. 53. *Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 11 ; 2 Januari 1947, hlm. 9 ; 1 Februari 1947, hlm. 37 dan 1 Oktober 1948, hlm. 206. *Sarawak Tribune*, 12 Julai 1946, hlm. 2. *Utusan Sarawak*, 19 September 1949, hlm. 3 ; 28 November 1949, hlm. 2 dan 12 Jun 1950, hlm. 3.

<sup>155</sup> Tidak terdapat iklan dalam *Utusan ASAS* dalam terbitan pertama ( 10 Oktober 1947 ) dan keduanya ( 15 November 1947 ). Hanya terdapat satu iklan sahaja dalam terbitan ketiganya ( 15 November 1947 ). Jumlah terbanyaknya hanya empat iklan sahaja iaitu dalam terbitan keempat ( 15 November 1947 ), ketujuh ( 1 Februari 1948 ) dan kesembilan ( 1 Mac 1948 ). Iklan yang terdapat dalam *Utusan ASAS* jelas semakin merosot sejak terbitan kesepuluhnya ( 15 Mac 1948 ). Dalam terbitan ketigabelasnya ( 1 Mei 1948 ), tidak terdapat iklan. Rujuk *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947 ; 15 November 1947 ; 1 Februari 1948, hlm. 1-4 ; 1 Mac 1948, hlm. 1-4 ; 1 Mei 1948.

sebilangan kecil peniaga Melayu sahaja.<sup>156</sup> Ini menyebabkan *UA* kekeringan sumber kewangan.

Keempat, mutu cetakan *UA* juga rendah. Terdapat huruf yang kabur dan sukar dibaca. Tidak terdapat gambar yang menarik. Ia hanya ditaip dengan mesin taip biasa. Kartunnya hanya dilakar dengan pen. Di sepanjang penerbitan *UA*, tidak terdapat usaha untuk memperbaiki mutu cetakannya.

Kelima, isi kandungan *UA* lebih menumpukan kepada aspek politik. Pembaca tentunya ingin dihidangkan dengan aspek lain seperti ekonomi, pendidikan, keagamaan, kesusasteraan, kebudayaan dan hiburan. Ini memberikan kesan kejemuan kepada mereka.

Kesemua masalah ini tidak dapat ditangani dengan berkesan oleh PPR ASAS. PPR ASAS tidak menunjukkan kemahiran bermiaga. Mereka bergantung kepada sokongan golongan anti penyerahan dan tidak berusaha menarik pengiklan lain khususnya daripada peniaga Cina. PPR ASAS juga tidak mendapatkan sumber modal daripada pertubuhan anti penyerahan yang lain. Ia membiayai penerbitan *UA* secara persendirian. Kegagalan PPR ASAS mengadakan perkongsian modal, melumpuhkan sumber kewangannya. Kesemuanya ini menjadi iktibar kepada PPR ASAS.<sup>157</sup>

---

<sup>156</sup> Contohnya, Toko Mustapha, Sontol Haji Nasir dan Trio Café. *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 2-4 dan 1 Mac 1948, hlm. 2-4

<sup>157</sup> Temu bual dengan Mohammad Hasbie Sulaiman pada 7 / 1 / 2001 dan Ahmad Shukor Abdul Rahman pada 5 / 1 / 2001.